



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

PARLIMEN  
Eighth *Parliament*  
KELAPAN

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

**Jilid III Bil. 3**

**Hari Rabu**

**26hb Mei, 1993**

**KANDUNGAN**

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda**

**Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah**

**- Y.B. Tuan Rahim bin Baba**

(Ruangan 43)



## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Rabu, 26hb Mei, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

## D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk  
Meng.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua,  
dengan izin, soalan yang pertama.

## SISTEM TAHAHAN KONTRAK - KAJIAN SEMULA

1. **Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad** [di bawah ~~SO~~ 23(2)] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kemterian bercadang untuk mengkaji semula cara pemberian kontrak-kontrak Kerajaan kepada kontraktor yang diamalkan sekarang. Adakah sistem sekarang ini bebas dari kemungkinan hanya syarikat-syarikat tertentu sahaja mendapat tawaran dan bebas dari kemungkinan rasuah di kalangan pegawai-pegawai pembangunan jabatan yang bertugas dalam penawaran itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, sistem perolehan yang diamalkan sekarang adalah sistem tender di mana kontraktor-kontraktor yang layak boleh menyertai tender yang diiklan dalam akhbar dari semasa ke semasa. Secara umumnya, terdapat empat cara perolehan Kerajaan, iaitu melalui tender terbuka, tender terhad, pra-kelayakan dan rundingan terus. Kerajaan berpendapat sistem ini merupakan sistem yang baik dan teruji. Walau bagaimanapun, oleh kerana hanya satu syarikat sahaja yang dipilih, sudah tentu akan ada rungutan daripada mereka yang tidak berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, jika ada pihak-pihak yang mengesyaki penyelewengan telah berlaku dalam urusan tender, Kerajaan menyediakan peraturan-peraturan di mana pihak tersebut boleh membuat laporan kepada agensi-agensi tertentu seperti Biro Pengaduan Awam, Kementerian Kewangan ataupun Badan Pencegah Rasuah.

Selain dari itu, Jabatan Audit Negara dalam laporan-laporan yang disediakan ada membuat teguran jika terdapat kelemahan-kelemahan dalam sistem perolehan. Ini akan diambil perhatian oleh Kementerian Kewangan.

Untuk memperkemas lagi pelaksanaan sistem perolehan yang ada sekarang, Kementerian Kewangan sentiasa menyemak dan mengemaskini peraturan berkaitan dengan pemberian tender.

#### RAKYAT BOSNIA - JUMLAH PEMBIAYAAN

**2. Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah rakyat Bosnia yang telah dibawa masuk ke negara ini;
- (b) siapakah yang membiayai mereka; dan
- Cc) bilakah mereka akan dihantar pulang ke negara asal.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini:-

- (a) Terdapat seramai 174 orang rakyat Bosnia yang telah dibawa masuk ke negara ini di bawah program perlindungan sementara kepada mangsa-mangsa perang Bosnia.
- (b) Pembiayaan mereka ditanggung oleh Angkatan, Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Negeri Sarawak (Peryatim), dan Majlis Dakwah Islamiyah Serantau Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP). Di samping itu, sumbangan dari masyarakat umum juga digunakan untuk membiayai rakyat Bosnia tersebut.
- (c) Mereka akan dihantar pulang ke negara asal sebaik sahaja keadaan di Bosnia-Herzegovina mengizinkan mereka kembali ke tanahair mereka semula.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah pihak Kerajaan memaklumkan jenis jantina manakah yang ramai dibawa masuk - maksudnya lelaki atau perempuan?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti mengenai bilangan dari segi jantina, tetapi yan, saya pasti ialah kebanyakannya ialah kanak-kanak, anak-anak yan, diikuti oleh penjaga-penjaga mereka dan ada beberapa orang tahanan perang Bosnia yang dapat dilarikan daripada kem-kem tahanan dan dibawa kemari untuk memberikan perlindungan dan keselamatan kepada mereka serta pemulihan. Mengenai bilangan jantina itu, saya minta notislah, saya akan 'check' balik.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah pula kalau apabila tiba masanya nanti mereka ini. tidak mahu balik ke negara mereka?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira masalah ini mungkin. tak timbul kerana mereka semuanya berhajat sangat hendak balik, Mereka itu seperti kita juga yang mempunyai tanah tumpah darah sendiri, ibarat kata peribahasa, "Walau bagaimana buruk sekalipun negara kita, lebih baik dari negeri orang lain: Hujan emas di negeri orang sekalipun, lebih baik lagi negeri kita." Saya yakin semua mereka akan balik selepas keadaan di Bosnia-Herzegovina pulih semula.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam pertubuhan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang membiayai mereka termasuk ABIM, PERKIM, PERYATIM dan sebagainya, tetapi di negara kita ada juga parti yang memperjuangkan Islam. Adakah Timbalan Menteri terlupa ataupun memang tidak ada penyertaan daripada parti PAS ini untuk membiayai ataupun mengkasihani atas nasib rakyat Bosnia ini?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah parti politik, langsung tidak ada. Mungkin ada daripada segi perseorangan yang telah menyumbangkan kepada tabung Bosnia itu itu saya belum pasti. Saya yakin ada, tetapi sebagai sebuah parti politik, tidak ada langsung apa-apa program dibuat untuk membantu dan membela nasib orang yang teraniaya di Bosnia-Herzegovina.

**Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh atau tidak anak-anak Bosnia ini kita ambil sebagai anak angkat?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan maksudnya mereka dibawa kemari dan mereka pua ingin terus dijagai oleh orang-orang mereka, sebab tujuan mereka juga pada akhirnya untuk balik ke Bosnia-Herzegovina. Maka tidaklah ada hasrat pihak Kerajaan, mahupun pihak mereka sendiri yang ingin diambil sebagai anak angkat oleh mana-mana keluarga dalam negara kita.

**Puan Hajah Zaleha binti Husein:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi, Timbalan Menteri menyatakan tidak ada pertubuhan politik khasnya untuk memberikan sumbangan derma kepada pembiayaan rakyat Bosnia ini. Saya ingin bertanya, kalau tidak ada pertubuhan politik, soalan tambahan pertama, apakah sumbangan daripada Kerajaan Negeri Kelantan yang atas nama Serambi Mekah? Apakah pihak Kementerian dapat jelaskan sama ada pihak Kementerian menerima sumbangan kerana asas sumbangan Serambi Mekah juga adalah untuk memberi satu pembelaan kepada orang-orang Islam?

Yang kedua, apakah perancangan pihak Kerajaan dalam menjaga dan mengawal orang-orang Bosnia ini, khususnya di bidang pendidikan dan juga masa depan mereka? Apakah mereka telah diberi satu penjadualan khusus dalam bidang pendidikan dan sebagainya?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya, Kerajaan Negeri Kelantan tidak memberikan sumbangan terhadap tabung Bosnia-Herzegovina mahupun melalui Kerajaan Malaysia bagi disalurkan kepada mangsa-mangsa yang memerlukan itu.

Keduanya, mengenai rancangan bagi mereka yang berada di Malaysia, bagi kanak-kanak, kita mengadakan kelas-kelas tertentu supaya mereka tetap terus diberi pelajaran yang sepatutnya, oleh kerana ada di kalangan mereka yang dibawa ke Malaysia ini berpengalaman sebagai pendidik dan guru-guru dan mereka telahpun diarahkan untuk memberi pembelajaran yang sepatutnya kepada kanak-kanak. Bagi mereka yang telah dewasa itu, kita telah mencuba mengenalpasti apakah kebolehan mereka untuk bekerja, dan kita sedang berusaha untuk menempatkan mereka ke tempat-tempat yang mereka boleh menggunakan kemahiran mereka supaya terus bekerja agar kemahiran mereka itu tidak hilang begitu sahaja; dan apabila mereka balik ke negara mereka, mereka akan meneruskan kerjaya mereka sebagai apa sahaja yang mereka telah diberikan pengalaman ataupun ikhtisas.

#### LEBUHRAYA CAMERON HIGHLANDS-GUA MUSANG - PEMBINAAN

3. **Tuan Itam Wali bin Rawan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan bahawa projek lebuhraya yang menghubungkan Gua Musang di Kelantan dan Cameron Highlands di Pahang didapati telah terbengkalai:-

- (a) apakah sebab-sebab projek ini tidak disiapkan; dan
- (b) adakah pihak Kementerian Kerja Raya akan menyambung semula kerja-kerja yang terhenti supaya lebuhraya tersebut dapat digunakan oleh orang ramai.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya projek yang menghubungkan Gua Musang di Kelantan dan Cameron Highlands di Pahang seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukanlah terbengkalai.



Pembinaan keseluruhan bahagian-bahagian projek jalan ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia Keenam, kerana peruntukan yang diluluskan berjumlah RM132 juta hanya mencukupi untuk membiayai pembinaan Pakej I iaitu dari Simpang Pulau ke Pos Slim dan merekebentuk bagi pakej-pakej yang lain.

Permohonan tambahan peruntukan sebanyak RM65 juta di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam telahpun dibuat bagi membiayai pembinaan:

- (i) Pakej II iaitu jalan dari Pos Slim ke Lojing;
- (ii) Pakej VII, jalan dari Jambatan Pasir Pulau ke Kampung Teris; dan
- (iii) Pakej VIII, jalan dari Kuala Berang ke Kampung Teris.

Sekiranya permohonan tambahan peruntukan ini diluluskan, adalah dijangka pembinaan bagi ketiga-tiga pakej-pakej ini akan dimulakan pada akhir tahun 1994. Manakala pakej-pakej yang lain dijangka akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

**Tuan Itam Wali bin Nawan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Kerja Raya mempunyai alternatif iaitu kemudahan perhubungan jalan raya daripada Cameron Highland's Gua Musang, terutamanya bagi penduduk-penduduk yang terdapat dalam kawasan ini terdiri daripada tidak kurang 19,000 orang? Kedua, alternatif untuk membawa keluar hasil-hasil pertanian mereka yang boleh dipasarkan seperti rotan, ternakan dan lain-lain,

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada jalan-jalan yang dirancangkan itu, Kementerian ini tidak ada alternatif yang lain.

## MATA PELAJARAN AGAMA/MORAL - PENAMBAHAN WAKTU

4. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian bercadang menambah waktu bagi mata pelajaran Agama/Moral di Sekolah Rendah dan Menengah memandangkan merosotnya akhlak/moral yang semakin membimbangkan di kalangan murid-murid sekolah.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa **ini**, masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral adalah mencukupi kerana pendidikan akhlak dan moral juga ada dijalankan melalui mata pelajaran -mata pelajaran yang lain bersesuaian dengan strategi nilai-nilai murni merentas kurikulum di bawah Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah.

Semua guru dikehendaki menyisipkan nilai-nilai murni ini dalam pengajaran mereka. Perlu ditegaskan, tanggungjawab memberikan pendidikan akhlak dan moral kepada para pelajar bukan sahaja terletak di bawah Kementerian Pendidikan tetapi juga kepada ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya. Semua pihak perlu bekerjasama dalam menangani masalah ini.

**Tuan Haji Shuib bin Shawal:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kehilangan minat belajar di kalangan penuntut-penuntut sepertimana dilaporkan baru-baru ini ada kaitan dengan kemerosotan pengajaran bagi mata pelajaran akhlak? Jika ini benar, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah kurang minat ini?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, satu pengajian atau laporan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu pengajian yang dilaporkan, tetapi masih kita siasat cara-cara pengendalian pengajian ini. Tetapi kalau kita melihat dari segi pencapaian atau 'the end result', dengan izin, dalam peperiksaan di peringkat SRP dan SPM menunjukkan bahawa pencapaian itu setiap tahun makin meningkat.

Memang kita tidak menafikan ada juga di kalangan pelajar-pelajar satu masalahnya tidak minat tetapi tidaklah menyeluruh seperti yang dinyatakan di situ. Bolehlah dikatakan perlulah juga perkara ini dikaji.

Mengenai pertanyaan, adakah keruntuhan akhlak kerana kurang minat - adakah soalan Yang Berhormat bermaksud begitu?

**Tuan Haji Shuib bin Shawal:** Maksud saya apakah disebabkan oleh kemerosotan pengajaran akhlak menyebabkan kehilangan minat di kalangan penuntut-penuntut?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya dalam kalangan penuntut, masalah ini boleh dihubung-kait tetapi tidak dengan secara langsung. Jadi, kedua-dua masalah ini adalah berasingan tetapi memang dihadapi di kalangan pelajar-pelajar kita bahawa yang pencapaian rendah termasuklah golongan yang kurang minat

dalam pelajaran dan akhirnya mereka ini boleh dikatakan hilang minat dalam pelajaran; jadi untuk mengisikan masa mereka **itu**, mereka telah termasuk dalam golongan yang berpengaruh tidak sihat. Jadi ini yang kita lihat dari kes-kes yang telah dilaporkan kepada kita. Ini boleh dikatakan tidak begitu benar di kalangan pelajar-pelajar kita pada hari **ini**. Tetapi sebenarnya perkara seperti ini perlu diatasi atau dibendung menerusi kerjasama yang saya nyatakan tadi antara itu bapa, guru-guru dan juga masyarakat setempat.

#### PENGGAJIAN PEKERJA - PENYELEWENGAN

**5. Puan Hajah Che Pora blnti Haji Omar** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang yang lebih menyeluruh bagi membanteras penyelewengan oleh pihak majikan di segi pengggajian pekerja yang kini lebih menguntungkan pekerja asing.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini negara kita telah mempunyai undang-undang untuk mengawal kebajikan pekerja-pekerja daripada penyelewengan yang dilakukan oleh pihak majikan seperti Akta Pekerja 1958 dan peraturan-peraturan serta perintah-perintah di bawahnya, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan lain-lain Akta yang berkaitan dengannya.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana kekurangan tenaga kerja yang memaksa Kerajaan untuk membenarkan penggajian pekerja asing mungkin akan menimbulkan keadaan di mana pihak majikan akan memberikan keutaraaan kepada pekerja-pekerja asing.

Kerajaan maklum hakikat ini dan sedang menggubal satu Rang Undang-undang yang bernama, dengan izin, "Employment of Foreign Workers Act 1993" untuk memastikan kepentingan pekerja-pekerja tempatan tidak digugat oleh kehadiran buruh asing. Selain dari itu, Akta ini juga akan mengawal dan menyelenggarakan penggajian buruh asing di negara kita.

#### PEMBUANGAN SISA TOKSID - PENGAWALAN

**6. Puan Sri Sarasa a/p Velu** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) jumlah insiden pembuangan bahan toksid yang berlaku setakat ini;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengesan dan mengawal pembuangan sisa-sisa toksid; dan
- (c) apakah tindakan-tindakan yang telah dibuat bagi menampung masalah tersebut di masa hadapan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi jawapan soalan:

- (a) Setakat ini pembuangan bahan toksid adalah terkawal. Jumlah kes pelupusan secara haram setakat ini adalah sebanyak 5 kes sahaja.

(b) Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengesan atau mengawal pembuangan sisa-sisa toksid adalah seperti berikut:-

- (i) pihak kilang perlu melaporkan tentang pengeluaran atau pengurusan buangan mereka;
- (ii) lawatan penguatkuasaan ke atas kilang-kilang yang mengeluarkan buangan toksid; dan
- (iii) mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 . dan peraturan-peraturan dibawahnya.

(c) langkah-langkah yang telah diambil bagi menampung masalah pelupusan buangan perindustrian adalah seperti berikut:-

- (i) menggalakkan penubuhan industri yang tidak mengeluarkan buangan;
- (ii) menggalakkan pengolahan buangan di dalam tapak;
- (iii) menggalakkan penggunaan kembali pemerolehan buangan dan menimbunkan buangan.
- (iv) bagi buangan yang tidak boleh diolah, buangan dieksport ke negara yang mempunyai kemudahan pelupusan buangan industri untuk tujuan pelupusan; dan
- (v) secara menyeluruh pihak Kerajaan menggalakkan penubuhan pusat pengolahan berpusat yang akan dikendalikan oleh pihak swasta. Kemudahan ini tidak termasuk buangan pathology dan buangan radioaktif.

#### **JURURAWAT - LANGKAH MENGATASI MASALAH KEKURANGAN**

**7. Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah Kerajaan benar-benar pasti bahawa pemilihan calon-calon yang berkelayakan untuk mengikuti kursus kejururawatan daripada rakyat Malaysia telah menemui jalan buntu sehingga memaksa Kerajaan mengimpot jururawat luar negeri untuk bertugas di negara kita, dan dan apakah mutu kejururawatan daripada Vietnam dan lain-lain. negara setanding dengan taraf perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]:

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menghadapi masalah dalam pemilihan calon-calon yang berkelayakan untuk mengikuti kursus kejururawatan daripada rakyat Malaysia.

Langkah Kerajaan mengambil jururawat luar negeri untuk berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan sekarang disebabkan oleh pengurangan pengambilan pelatih jururawat dalam tahun 1986 hingga 1989. Pengambilan jururawat asing untuk berkhidmat adalah langkah sementara untuk menampung keperluan di hospital-hospital kerana tempoh masa untuk melatih jururawat di pusat-pusat latihan memerlukan masa tiga tahun. Mutu kejururawatan dari Vietnam dan lain-lain negara adalah setanding dengan - taraf perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, satu pasukan khas dari Malaysia yang terdiri dari ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan Malaysia telah pergi ke negara-negara berkenaan untuk membuat pemilihan calon-calon yang paling sesuai.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, apakah jururawat-jururawat luar negeri yang diimport masuk berkhidmat ke negara kita tidak menghadapi masalah bahasa? Apakah kita tidak bercadang untuk mengambil jururawat daripada negara-negara ASEAN yang berbahasa Malaysia, seperti Singapura, "Indonesia dan sebagainya?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini Kerajaan hanya mengambil jururawat-jururawat yang mempunyai pengetahuan dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, mereka tidak menghadapi masalah untuk bekerja di tanahair kita **ini**.



**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah kita tidak menambahkan pelatih-pelatih jururawat ini lebih daripada yang ada sekarang ini? Ingin saya tahu, berapakah tiap-tiap tahun sekali dikhaskan untuk menjadi pelatih jururawat sebagai permulaan pengambilan?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya jelaskan tadi, kita akan menghadapi masalah kekurangan jururawat ini hanya untuk tiga, empat tahun akan datang. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, pengambilan jururawat pelatih tahun 1990 hanya 530, tetapi dalam tahun 1991 ditambah ke 796, 1992 - 1,103, 1993 iaitu tahun **ini** 1,240 dan tahun akan datang 1,400. Apabila pelatih-pelatih ini keluar dari pusat-pusat latihan, maka negara kita tidak akan menghadapi masalah kekurangan jururawat.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dari Kementerian Kesihatan, semalam perkara ini pun timbul. Ada rakyat Malaysia yang dipanggil temuduga tiga, empat hingga lima kali untuk jawatan Jururawat, tetapi tidak berjaya. Kalau tidak berjaya mengapa dipanggil satu, dua, tiga sampai lima kali? Sekarang kita mempunyai kekurangan jururawat, tetapi kita ambil daripada luar. Yang ada di dalam ini hanya untuk diinterview sahajakah? Inilah pertanyaan saya, adakah yang dipanggil lima, enam kali interview ini hanya untuk interview sahaja, tetapi daripada jururawat luar kita import untuk bekerja dengan Kerajaan kita?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah dua perkara berlainan. Jururawat kontrak asing ataupun kontrak, kita mengambil

ini kerana pada tahun 1986 ke 1989 pengambilan pelatih dikurangkan oleh sebab-sebab yang tertentu. Oleh kerana **itu**, kita menghadapi kekurangan ini. Perkara pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi itu, kita ada garis panduan tertentu ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. oleh sebab **itu**, Kementerian saya tidak ada kuasa dalam mengambil seseorang pekerja ini.

#### MASYARAKAT PENYAYANG - BANTUAN KEPADA ORANG-ORANG TUA

**8. Dato' Soong Siew Hoong** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) demi mewujudkan sebuah masyarakat penyayang, adakah Menteriannya akan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya memberi insentif kepada mana-mana syarikat atau pertubuhan untuk menggalakkan mereka membina lebih banyak rumah bersara yang mampu disewa untuk menampung mereka yang agak tua;
- (b) kalau cadangan ini belum dibuat, mengapa belum; dan
- (c) kalau sudah, apakah bentuk insentif yang telah dicadangkan dan bila agaknya insentif ini akan diberi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a & c) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat belum membuat cadangan kepada Kementerian Kewangan supaya memberi insentif kepada mana-mana syarikat atau pertubuhan untuk menggalakkan mereka membina lebih banyak rumah bersara yang mampu disewa untuk menampung mereka yang agak tua.

- (b) Kementerian belum membuat cadangan ini kerana:
- (i) dasar dan nilai masyarakat yang ingin digalakkan ialah supaya anak-anak dan ahli keluarga sendiri yang menjaga dan membantu saudara-saudara tua mereka;
  - (ii) Jabatan Kebajikan Masyarakat dan beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) ada menyediakan rumah-rumah khas untuk orang-orang tua yang kurang mampu dan tidak berwana dan juga kepada orang-orang tua yang manpu tetapi ingin tinggal bersendirian dan di kalangan orang-orang tua lain di rumah-rumah khas yang disediakan oleh syarikat swasta,
  - (iii) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga ada menyediakan skim bantuan kewangan yang dinamakan Bantuan Orang tua yang bertujuan untuk memberi peluang kepada orang tua tinggal bersama keluarga dan masyarakat. Bantuan ini diberi kepada orang tua yang berumur 60 tahun dan ke atas yang tidak mempunyai wana atau sanak saudara tidak mampu menyarakan mereka.

**KERJASAMA DALAM BIDANG TELEKOMUNIKASI DI ANTARA  
MALAYSIA DAN INDIA**

**9. Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) apakah hasil yang didapati daripada lawatan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ke negara India; dan
- (b) apakah perjanjian-perjanjian bersama yang telah ditandatangani di antara kedua-dua negara,

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy**

**Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, lawatan saya ke negara India mempunyai dua tujuan. Tujuan yang pertama ialah untuk mendapat kerjasama negara India bagi menyelesaikan masalah penyelarasan frequency bagi pelancaran satelit, Malaysian East-Asia Sattelite (MESAT), kerana satelit India adalah berhampiran dengan orbital float MESAT, dengan izin. Bagi memudahkan rundingan 'terperinci di peringkat pegawai, satu perbincangan telah diadakan dengan Yang Berhormat Menteri Komunikasi India, Encik Shukram. Perbincangan ini meliputi berbagai isu dua hala yang boleh membawa manfaat kepada kedua-dua negara.

Tujuan yang kedua, mempunyai kaitan dengan dasar ekonomi terbuka Kerajaan India, dengan izin, economic liberalisation, Di bawah dasar **iai**, Kerajaan India telah menggalakkan pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara India.. . Syarikat-syarikat Telekomunikasi Malaysia telah merebut peluang ini, dan Kementerian saya telah berusaha untuk membantu syarikat-syarikat berkenaan dalam hal-hal seperti mendapatkan lesen bagi perkhidmatan telefon cellular dan paging.

Dalam hal ini, Telekom Malaysia Berhad bersama-sama dengan Usha Martin iaitu sebuah syarikat India telah mendapat peluang membuat pelaburan dalam perkhidmatan cellular iaitu General Services Mobile (GSM), dengan izin, di Calcutta, India.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan yang sama juga, saya telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Telekomunikasi India berhubung dengan permohonan yang telah dimajukan oleh sebuah syarikat tempatan untuk beroperasi di India, Dalam perbincangan **ini**, saya telah berusaha menerangkan kepada beliau akan pengalaman luas yang dimiliki oleh syarikat bumiputera itu dalam bidang perkhidmatan celular dan lain-lain perkhidmatan tambah-nilai.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menerangkan akan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh syarikat telekomunikasi di Malaysia terutamanya dalam bidang pengeluaran peralatan telekomunikasi yang canggih.

Tuan Yang di-Pertua, semasa di India juga, saya telah melakukan kunjungan hormat terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri India. Saya telah menyampaikan hasrat dan minat syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur dan beroperasi

di India di bawah konsep kerjasama Selatan-Selatan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri India pula telah menekankan akan pentingnya kerjasama di antara Negara-negara Selatan-Selatan bagi kepentingan dan faedah bersama.

Tuan Yang ddi-Pertua, pada umurnya, lawatan ke negara India telah berjaya mencapai hasil dan matlamat yang diharapkan. Kementerian saya akan terus membantu dan menggalakkan kepada syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai kemampuan dalam bidang telekomunikasi untuk merebut peluang-peluang pelaburan di luar negeri.

- (b) Kita belum sampai ke peringkat mengadakan perjanjian dalam bidang telekomunikasi dengan Kerajaan India.

#### **SISTEM "JUALAN TERUS" - PENGAWALAN**

**10. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) bagaimana caranya untuk mengawal sistem "Jualan Terus" tidak melampaui batasan supaya kepentingan pengguna dapat dijagai; dan
- (b) bagaimana caranya untuk menentukan barang-barang yang dijual termasuk ubat-ubatan tidak membawa kesan buruk ataupun tidak mengancam kesihatan pengguna.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk memastikan Sistem Jualan Langsung berjalan secara beretika dan melindungi kepentingan pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telahpun menggubal Akta Jualan Langsung 1993 yang akan dikuatkuasakan pada 1hb Jun 1993. Kehendak-kehendak Akta Jualan Langsung 1993 ini adalah seperti berikut:-
- (i) Sesiapa sahaja yang terlibat dalam aktiviti jualan langsung perlu memohon lesen dari Kementerian terlebih dahulu. Dan lesen tersebut akan dikeluarkan dengan beberapa syarat yang tertentu. Melalui Seksyen 8 Akta tersebut lesen yang dikeluarkan boleh dibatalkan apabila pemegang lesen melanggar syarat-syarat yang dikenakan ataupun memberi maklumat palsu, mengelirukan atau yang tidak tepat kepada pegawai apabila memohon lesen.
- (ii) Melalui seksyen 17 aktiviti jualan pintu ke pintu tidak dibenarkan sebelum pukul 9.00 pagi dan selepas pukul 7.00 malam pada tiap-tiap hari melainkan dengan temu-janji. Pada hari cuti awam dan cuti-cuti mingguan, aktiviti pintu-ke-pintu tidak dibenarkan sama sekali. Peruntukan ini akan memastikan supaya pengguna tidak diganggu pada bila-bila hari dan masa.

(iii) Menurut seksyen 18, setiap orang yang **ter-**libat dengan aktiviti jualan pintu ke pintu perlu mempunyai kad kuasa yang dikeluarkan oleh syarikat jualan langsung dan kad kuasa tersebut dikehendaki mempunyai butir-butir jurujual seperti nama, alamat dan nombor lesen syarikat yang diwakili untuk memastikan bahawa seseorang jurujual itu mewakili sesuatu syarikat yang sah dan dapat dikesan apabila sesuatu aduan diterima daripada pengguna..

(iv) Seksyen-seksyen 23 dan 25 menghendaki sesuatu jualan barang ataupun perkhidmatan yang bernilai RM300 dan ke atas iaitu (high ticket items) memerlukan kontrak bertulis di antara penjual dan bakal pembeli. Kontrak ini ter-t a k l u k kepada tempoh bertenang selama 10 hari bekerja untuk bakal pembeli berfikir semula sama ada ingin membeli barang atau perkhidmatan atau sebaliknya. Deposit tidak boleh dibayar di dalam tempoh 10 hari **ter-**sebut ini. Peruntukan ini adalah untuk melindungi pengguna supaya tidak mengalami kerugian sekiranya deposit telah dibayar dan barang atau perkhidmatan tidak dibekalkan.



- (b) Untuk menentukan barang-barang yang dijual termasuk ubat-ubatan yang mungkin akan membawa kesali buruk kepada kesihatan pengguna, Kementerian akan memastikan melalui syarat—syarat dalam lesen bahawa segala barang atau ubat-ubatan yang dijual perlu mematuhi undang-undang keselamatan dan kesihatan yang tersedia pakai di negara ini. Di samping itu pengguna dinasihatkan untuk menyemak sendiri perihal dagangan barang-barang ataupun ubat-ubatan yang hendak dibeli terlebih dahulu ataupun dalam masa tempoh bertenang yang diberikan di bawah Akta ini demi kepentingan keselamatan dan kesihatan mereka.

#### PERSEMBAHAN HIBURAN KETERLALUAN - PENGHARAMAN

**11. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengharamkan sama ada di kaca TV atau pementasan di seluruh negara, persembahan hiburan yang amat keterlaluan dan tidak sesuai dengan budaya ketimuran, misalnya persembahan carian rap oleh Kumpulan 402C dan KRU yang langsung tidak mencerminkan budaya yang sopan.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan tidak menyiarkan program-program yang keterlaluan sehingga mencemarkan budaya

ketimuran. Walau bagaimanapun, Kementerian telah mengambil langkah dan tindakan untuk mengurangkan sebarang program-program hiburan yang boleh mempengaruhi penonton, khususnya dari golongan muda-mudi secara negatif. Ini termasuklah persembahan tarian Rap dan lain-lain program hiburan yang tidak sesuai dengan budaya ketimuran.

Ingin juga saya memaklumkan di sini bahawa kuasa meluluskan pementasan rancangan hiburan di satu-satu tempat atau satu-satu kawasan adalah terletak ditangan Kerajaan Tempatan atau Dewan Bandaraya termasuk pihak Polis. Kementerian ini hanya boleh memberi nasihat kepada mereka apabila dirujuk.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Penerangan telah mengadakan etika khusus kepada para-para artis supaya mereka dapat mematuhi dalam bentuk kebudayaan timur kita sama ada dalam kaca TV ataupun pementasan. Kalau etika khusus itu sudah ada, apakah etika tersebut?

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, Etika Tatalaku Artis memang telahpun digubal. Dan sekarang dalam peringkat pelaksanaan, di mana sebarang perilaku artis yang tidak sejajar dengan kehendak yang terkandung dalam etika tidak akan diterima. Ini hanya di dalam bidang kuasa Kementerian Penerangan, seperti penyertaan melalui televisyen dan radio sahaja termasuk memainkan lagu-lagu mereka di radio dan televisyen. Selain daripada itu ialah terletak di kawasan-kawasan di mana para artis mengadakan persembahan sama ada di pentas mahupun di panggung-panggung.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya setuju tadi dengan Yang Berhormat mengatakan bahawa Kementerian Penerangan akan mengurangkan program-program hiburan kerana saya nampak filem P. Ramlee sekarang pun, kadang-kadang filem yang sama empat kali ditayangkan setahun, sampai kadang-kadang kita naik jemu. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah mesej sebenarnya yang hendak diberi penekanan oleh Kementerian Penerangan tentang filem-filem P. Ramlee ini. Atau apakah Yang terhormat Timbalan Menteri memang peminat filem P. Ramlee nombor satu?

**Tuaa Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, ini secara kebetulan sebenarnya filem P. Ramlee adalah merupakan filem yang paling digemari. Bukan sahaja filemya, malah lagu-lagunya. Apa yang orang kata 'evergreen'. Jadi, dalam hal **ini**, oleh kerana ada permintaan, maka terpaksa kita mengulangkaji tambahan pula ada tajaan yang meminta filem ini dimainkan. Jadi, bila ada tajaan bererti ada permintaan. [Tepuk] Jadi, kita mainkan lagi. Jadi itulah sebabnya kenapa filem P. Ramlee yang sama dimainkan berulang-ulangkali, bukan ada mesej-mesej yang tertentu sebenarnya.

**OPERASI TENTERA PBB - PENGLIBATAN MALAYSIA**

**12. Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) berapa ramaikan anggota tentera kita yang terlibat dalam operasi Bangsa-bangsa Bersatu di luar negeri dan adakah apa-apa kemalangan yang melibatkan anggota tentera Malaysia; dan
- (b) tidakkah anggota tentera yang terlibat ini mengganggu program keselamatan negara jika terjadi perkara yang tidak diingini.

**Menteri Pertahanan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, penglibatan semasa Angkatan Tentera Malaysia dalam operasi Bangsa—bangsa Bersatu adalah seperti berikut:-

- (i) Sebagai Staf Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York - (kekuatannya) seorang;
- (ii) UNICOM Iraq-Kuwait - 6 orang;
- (iii) MINURSO Sahara Barat - seorang;
- (iv) UNTAC Cambodia - 1,090 orang; dan
- (v) UNIMOUZ, Mozambique - 21 orang.

Setakat ini belum ada kemalangan jiwa berlaku yang melibatkan Anggota Tentera Malaysia di dalam pertelingkahan antara puak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya seorang anggota telah meninggal dunia di Cambodia akibat menghadapi sakit demam malaria pada 27hb Ogos, 1992.

Kementerian Pertahanan telah membuat kajian dengan mengambil kira keupayaan Anggota Tentera Malaysia di dalam menghadapi ancaman terhadap keselamatan negara. Ini bermakna penghantaran anggota Tentera ke dalam Pasukan Pendamai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak mengganggu keupayaan keselamatan negara.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkan Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah dasar atau cara untuk memilih anggota tentera kita ke Operasi Bangsa-bangsa Bersatu di luar negeri, dan adakah perkhidmatan mereka di luar negeri akan menjadi satu merit untuk kenaikan pangkat pada masa akan datang?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kriteria pemilihan anggota ATM ke Bangsa-bangsa Bersatu tertakluk kepada jenis tugas dan mandat yang diberikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Sama ada penghantaran mereka dalam operasi Bangsa-bangsa Bersatu diambil kira dari segi untuk kenaikan pangkat, semua tugas yang dilakukan oleh mana-mana anggota sama ada di dalam ataupun di luar negara, adalah diambil kira dalam soal kenaikan pangkat. Penglibatan mereka di dalam operasi Bangsa-bangsa Bersatu di mana tahap kecemerlangan mereka boleh diperlihatkan sudah tentu merupakan satu unsur yang penting di dalam pertimbangan untuk kenaikan pangkat.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah kecekapan di antara pasukan anggota tentera kita dengan anggota tentera negara-negara lain?

**Dato' Seri Haji Mohd. Haji bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia sentiasa mendapat sanjungan dan kepujian daripada semua pihak, misalnya, di dalam penglibatan kita di Carabodia wakil Setiausaha Agung iaitu Ketua Pentadbir UNTAC, Mr. Akashi telah menyatakan di dalam beberapa kenyataan bahawa pasukan ATM telah menunjukkan tahap khidmat yang begitu cemerlang sekali.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa tentera kita yang dihantar ke Cambodia adalah berkenaan dengan tugas-tugas pengamanan, tetapi oleh kerana sekarang Khmer Rouge khasnya telahpun mengisytiharkan perang, apakah tentera-tentera kita juga dilengkapi dengan peralatan-peralatan untuk menghadapi peperangan?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun. Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh melakukan sesuatu yang diluar daripada panduan dan mandat yang diberikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu iaitu dalam misi "peace keeping" sahaja. Oleh itu, keupayaan ATM di Cambodia adalah sejajar dengan mandat yang telah ditetapkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Walau bagaimanapun, dari segi peralatan dan keupayaan, kita telah menentukan tahap yang sesuai dari segi pertahanan diri ataupun 'self-defence' dan tidak lebih daripada itu.

Walaupun bagaimanapun, kalau keadaan keselamatan berubah menjadi lebih tegang dan pihak Khmer Rouge melancarkan serangan secara besar-besaran, maka kita akan mengkaji semula pendirian kita di atas perkara ini.

#### **SISTEM SARAAAN BARU - RUNGUTAN KENAIKAN GAJI**

13. Tuan Shuib bin Endut minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa kenaikan gaji seseorang kakitangan awam yang berdasarkan penilaian yang dibuat oleh pegawai atasan mengikut SSB itu dibuat secara tidak adil. Ini kerana telah kedapatan rungutan dari kakitangan yang terbabit bahawa sistem SSB itu adalah tidak praktikal. Kalau sedar, apakah tindakan JPA ke atas perkara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari akan kewujudan sedikit rungutan dan rasa tidak puashati dalam urusan pergerakan gaji tahun 1993. Ini disebabkan urusan pergerakan gaji

tahun 1993 merupakan tahun pertama pelaksanaan pergerakan gaji di bawah SSB. Hal ini sebenarnya merupakan masalah sementara sahaja. Ia berpunca dari pergerakan gaji tersebut yang diasaskan kepada sistem penilaian prestasi lama.

Adalah diyakini masalah seperti ini akan dapat diatasi dengan terlaksananya sistem penilaian prestasi baru mulai tahun 1993 iaitu bagi kegunaan urusan pergerakan gaji di tahun-tahun hadapan. Sistem penilaian prestasi baru yang dimaksudkan itu telah digubal dengan cermat dengan mengambilkira semua aspek supaya penilaian ke atas anggota-anggota Perkhidmatan Awam menjadi lebih kemas, objektif dan sistematik.

Dengan demikian, adalah tidak benar jika dikatakan penilaian yang dibuat oleh pegawai-pegawai atasan adalah dibuat secara tidak adil, sungghpun mungkin wujud beberapa kelemahan berkaitan sifatnya, iaitu penilaian adalah merupakan satu persepsi' di mana unsur subjektif tidak dapat dielakkan 100%. Kelemahan ini diharapkan akan dapat diatasi melalui pengenalan sistem penilaian prestasi baru yang disebut tadi.

Menyedari beberapa kelemahan seperti yang disebut tadi, JPA telah dan akan mengambil tindakan-tindakan tertentu, antaranya ialah:

- (i) memberi nasihat dan peringatan kepada Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Penilai serta Pegawai-pegawai yang menganggotai Panel Pergerakan Gaji supaya lebih bcrhaci-haci dan bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi masing-masing;

(ii) mengadakan penyiasatan dan kajian ke atas aduan dan rasa tidak puashati yang telah dirujuk kepada JPA untuk melihat kebenaran ataupun kewujudan masalah yang sebenarnya dan mencadangkan langkah-langkah pembetulan jika perlu;

(ii) JPA telah dan akan mengadakan sesi taklimat dan majlis penerangan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan untuk menambah kefahaman pihak yang terlibat di dalam melaksanakan sistem penilaian prestasi.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah seseorang Menteri atau Timbalan Menteri mempunyai apa-apa kuasa tentang masalah ini?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Menteri dan Timbalan Menteri tidak ada kaitan dengan pelaksanaan yang dibuat ini. Jabatan yang bertanggungjawab secara langsung ialah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

**Tuan V.K. Sellapan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah bilangan Ketua-ketua Jabatan yang didapati secara sengaja bersikap tidak adil ketika membuat laporan prestasi anggota bawahannya setelah diberi mandat di dalam Sistem Saraan Baru (SSB). Apakah tindakan selanjutnya?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Setakat ini kita tidak tahu berapa Ketua-ketua Jabatan yang tidak adil dan rungutan yang disebutkan tadi mungkin berpunca daripada perkara-perkara yang tidak diketahui.



Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pergerakan gaji yang dilakukan pada tahun ini adalah berasaskan laporan bagi 1992, insya Allah laporan untuk tahun ini akan digunakan untuk pergerakan gaji pada tahun hadapan. Jadi, saya tidak menjangka ada di antara Ketua-ketua Jabatan yang dengan sengaja melakukan tindakan yang tidak adil, tetapi kalau ada, ini boleh dipastikan dengan membuat laporan kepada JPA. Saya telahpun memberikan tiga tindakan yang akan diambil oleh JPA untuk membetulkan keadaan.

**KELAB-KELAB MALAM - WAKTU OPERASI**

**14. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa semenjak diadakan operasi serbuan bertalu-talu ke kelab-kelab malam di Johor Bahru, tempat-tempat tersebut terpaksa ditutup pada pukul 12.00 malam pada hari-hari biasa. Jika sedar, nyatakan sama ada tindakan yang serupa boleh diambil di negeri-negeri lain, seperti Selangor, demi menjaga maruah anak-anak muda Melayu yang banyak terdapat di tempat-tempat seperti itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka**

**Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis sentiasa mengadakan pemeriksaan ke atas tempat-tempat hiburan seperti kelab-kelab malam di seluruh negara yang selalu dikunjungi oleh anak-anak muda tanpa mengira kaum bagi memastikan tempat-tempat tersebut bebas dari gejala yang kurang sihat seperti penyalahgunaan dadah, maksiat dan jenayah.

Sekiranya didapati pengusaha tempat hiburan melanggar syarat-syarat lesen seperti menyalahgunakan tempat hiburan untuk aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral dan membuka perniagaan melebihi dari tempoh masa yang dibenarkan, tindakan akan diambil ke atas pengusaha berkenaan.

**Datin Rajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa di dalam negeri Selangor ini masih ada lagi kelab-kelab malam, disko dan sebagainya yang beroperasi lebih dari pukul 12.00, mengakibatkan pemuda-pemudi kita sampai pukul 3.00 hingga 4.00 pagi pun masih lagi tari-menari.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana telah saya jawab tadi, iaitu apabila sesuatu lesen dikeluarkan kepada mana-mana satu tempat hiburan, ada syarat-syarat tertentu termasuk masa yang diizinkan.

Jadi, di Selangor, kalau sekiranya pihak Berkuasa Tempatan telah memberi lesen yang melebihi daripada 12.00 tengah malam, maka pihak Polis terpaksa ikut syarat-syarat itu sebelum mengambil tindakan.

**Tuan Tang di—Pertua:** Tuan Michael Bong Thiam Joon.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No.15.

#### PENSYARAH UNIVERSITI - JUMLAH BERHENTI

**15. Tuan Ding Seling [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah pensyarah-pensyarah yang berhenti dari 8 universiti-universiti di negara ini dan nyatakan juga sebab-sebab mengapa mereka meninggalkan profesion yang murni ini.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini saya telah jawab sekaligus bersama dengan soalan No. 18 dan No. 24 dalam Aturan Mesyuarat Dewan Negara iaitu soalan Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad dan Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai pada 24hb Mei 1993.

**PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN - JUMLAH**

**16. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah pusat-pusat pembangunan kemahiran telah dibangunkan di setiap negeri di Malaysia ini serta pecahannya di tiap—tiap negeri; dan
- (b) berapa ramaikah pelajar-pelajar yang telah lulus daripada pusat-pusat kemahiran ini dan adakah pelajar-pelajar ini diterima bekerja di kilang-kilang industri dengan pendapatan yang agak berbeza sedikit daripada buruh biasa.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, Pusat Pembangunan Kemahiran peringkat Negeri iaitu satu program baru yang diusaha bersama oleh pihak Kerajaan dengan sektor swasta bagi meningkatkan kemahiran tenaga pekerja di bidang industri di bawah Rancangan Malaysia Keenam masih lagi di peringkat perancangan oleh pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri kecuali negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, bagi Latihan Kemahiran Bumiputera dan Penduduk Luar Bandar, sebanyak 10 Institut Kemahiran MARA dan 58 Pusat Giat telah didirikan di seluruh Malaysia dan pecahannya mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	BILANGAN	
	IKM	PUSAT GIAT
Johor	1	2
Melaka	1	2
Selangor	1	7
N. Sembilan	0	5
Pahang	1	5
Terengganu	1	7
Kelantan	0	4
Perak	1	9
Kedah	1	7
Pulau Pinang	0	4
Wilayah Persekutuan	1	1
Sabah	0	3
Sarawak	1	1
Perlis	1	1
JUMLAH	10	58

Sejak ditubuhkan, seramai hampir 35,000 pelatih IKM dan 14,000 pelatih Pusat Giat telah tamat menjalani latihan di institusi-institusi tersebut. Sebilangan besar daripada pelatih-pelatih yang tamat diserapkan ke industri-industri di seluruh negara, manakala yang lain membuka perniagaan sendiri.

Bagi yang bekerja di sektor industri, pendapatan mereka adalah jauh lebih tinggi di antara dua hingga tiga kali ganda daripada buruh biasa yang tidak berkemahiran.

**Tuan Haji Jomaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Negeri-negeri yang tidak ada IKM ini bilakah ataupun adakah rancangan Kementerian. untuk mewujudkan IKM di negeri-negeri yang belum ada?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Kerajaan tiada rancangan untuk mewujudkan IKM kerana Kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah Pusat Giat di peringkat latihan kemahiran peringkat bawahan kerana keperluannya nampaknya lebih ketara dan lebih menumpukan kepada keperluan sektor tempatan.

#### TUNTUTAN BONUS KAKITANGAN KERAJAAN OLEH CUEPACS - KRITERIA

17. **Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah permintaan CUEPACS akan dipenuhi dalam menuntut bayaran bonus diberikan kepada kakitangan Kerajaan. Apakah kriteria yang akan digunakan bagi pembayaran bonus berkenaan dibuat.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, saya mengambil petikan daripada Laporan SSB mengenai bayaran bonus.

Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam (JKK-MGSA) menjelaskan bahawa imbuhan tahunan adalah bayaran yang dibuat tertakluk kepada keadaan ekonomi negara dan kedudukan kewangan Kerajaan, Pembayaran akan dibuat hanya apabila kedudukan kewangan mengizinkan iaitu setelah mengambil kira keperluan-keperluan peruntukan belanjawan, pembiayaan, perbelanjaan pembangunan, pembayaran balik hutang negara dan sebagainya.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah CUEPACS ini meminta tambahan gaji datangnya daripada ahli ataupun ianya datang daripada ketua-ketua iaitu terdiri daripada Pengerusi dan Jawatankuasanya?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, CUEPACS adalah pertubuhan yang mewakili pekerja-pekerja dalam Kerajaan. Jadi, umurnya saya tidak tahu adakah ianya datang daripada ahli secara terus ataupun dari Jawatankuasa. Tetapi saya anggap CUEPACS ini mewakili pekerja-pekerjalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' William Chek Lim Kwai.

**Tuan Shuib bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Soalan No.18.

#### KEMALANGAN INDUSTRI - LANGKAH-LANGKAH

**18. Tuan Shuib bin Endut** [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Sumber manusia menyatakan:-

- (a) adakah pihak Kerajaan akan memperkenalkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja memandangkan sejak kebelakangan ini telah berlaku banyak kemalangan di tempat-tempat kerja yang membahayakan keselamatan dan kesihatan pekerja;
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi kejadian kemalangan industri; dan
- (c) jumlah kejadian kemalangan industri semenjak 5 tahun kebelakangan ini dan sektor manakah yang paling banyak berlakunya kemalangan industri serta kenapa.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memang benar Kerajaan akan memperkenalkan satu Akta baru bernama Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja. Pengubalan Akta ini adalah pada peringkat akhir.
- (b) Kementerian sedang mengambil beberapa "langkah untuk mengawal kadar kemalangan di tempat kerja. Langkah utama ialah Satu Majlis Penasihat dan Keselamatan Pekerja yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia telah ditubuhkan untuk

mengkaji secara mendalam strategi-strategi yang perlu diamalkan untuk mengawal kadar kemalangan dan mewujudkan suasana yang selamat di tempat kerja. Di samping itu, Kerajaan yakin dengan penubuhan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kebangsaan, kadar kemalangan di terapat kerja dan penyakit raasa berkhidmat akan juga dapat dikurangkan.

Pada masa yang sama, Jabatan Kilang dan Jentera menjalankan -penguatkuasaan seperti penyemakan rekabentuk jentera-jentera yang merbahaya, pengawasan semasa membina dan menjalankan pemeriksaan berjadual.

- (c) Bilangan kemalangan industri bagi 5 tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Kecederaan	Maut
1987	79,285	503
1988	90,988	577
1989	110,228	556
1990	124,008	558
1991	127,367	603

Sektor pembuatan dan pemerosesan mencatat rekod kemalangan industri yang paling tinggi kerana sektor ini mempunyai paling raraai pekerja berbanding dengan sektor lain.



**RADIO DAN TV - BILANGAN DI SELURUH NEGARA**

19. **Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Penerangan menyatakan:-

- (a) berapa buakkah jumlah Radio dan TV yang diperolehi oleh rakyat Malaysia di seluruh negara sehingga Disember 1992;
- (b) berapakah jumlah pendapatan Kerajaan daripada hasil perabayaran Lesen Radio dan TV dalam tahun 1990, 1991 dan 1992 dan berapakah jumlah tunggakan yang belum dikutip pada tahun-tahun tersebut; dan
- (c) adakah pengguna-pengguna Radio dan TV faham dengan dasar cara-cara pembayaran Radio dan TV dan sejauhmanakah keberkesanan pasukan penguatkuasa memeriksa Lesen Radio dan TV dari rumah ke rumah dan berapa ramai yang telah didenda kerana mempunyai radio dan TV tanpa lesen bagi tahun 1990, 1991 dan 1992.

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, kepada

- (a) Jumlah TV yang dimiliki oleh rakyat Malaysia sehingga Disember 1992,- adalah dianggarkan sekitar 3,500,000 buah peti televisyen.

Kementerian Penerangan tidak mempunyai rekod yang terkini mengenai jumlah radio yang dimiliki oleh rakyat Malaysia kerana Lesen untuk radio telahpun dihapuskan bermula dari 1 hb Januari 1991.

- (b) Jumlah hasil daripada bayaran radio dan TV bagi tahun 1990, 1991 dan 1992 adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1990 sebanyak RM42,570,480; bagi tahun 1991 sebanyak RM45,987,000; bagi tahun 1992 sebanyak RM46,575,236.

Hasil daripada pungutan bayaran kompaun ialah RM684,949 pada tahun 1990; dan pada tahun 1991 sebanyak RM608,180; dan pada tahun 1992, sebanyak RM910.655.

- (c) Tuan Yang di-Pertua, pengguna-pengguna televisyen telah dimaklumkan cara-cara pembayaran lesen televisyen iaitu sebanyak RM24 setahun bagi sebuah peti televisyen. Lesen tersebut boleh diperolehi di mana-mana Pejabat Pos di "seluruh negara. Penguatkuasaan lesen amatlah berkesan kerana dalam proses ' tersebut, semua pesalah-pesalah dikompaun atau diberi amaran dan nasihat yang sewajarnya. Jumlah pesalah yang telah didenda kerana tidak memiliki lesen, iaitu kes kompaun pada tahun 1990 sebanyak 27,028 orang; pada tahun 1991 sebanyak 31,844; dan tahun 1992 sebanyak 42,050 kes. Bagi kes saman pula, pada tahun 1990, sebanyak 6,674; tahun 1991 sebanyak 11,692; dan tahun 1992 sebanyak 4,294.

**Tuan Frankie Chong Yu Chee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kawasan-kawasan manakah yang boleh dibenarkan untuk menggunakan Parabolic Disk? Adakah pembayaran lesen bagi Parabolic Disk ini lebih mahal daripada lesen biasa?

**Tuan Raialey bin Haji Jaffrey:** Penggunaan Parabolic Disk setakat ini belum lagi dibenarkan untuk digunakan secara rasmi kerana pada masa ini Kementerian masih mengkaji berhubung dengan satu cara baru untuk memberikan khidmat yang lebih terkini kepada masyarakat Malaysia, khasnya di Lembah Kelang supaya berita dan maklumat yang boleh disampaikan melalui sama ada CNN ataupun lain-lain stesen televisyen dapat dibenarkan melalui cara-cara yang akuti difikirkan yang sedang dirundingkan sekarang ini. Buat masa ini, hanya selain daripada Raja-raja, orang-orang yang dibenarkan untuk menggunakan satellite disk ialah Kedutaan-kedutaan yang berdasarkan reciprocal, maknanya jika Kedutaan kita di luar negeri dibenarkan menggunakan Parabolic Disk, maka kita juga akan membenarkan Kedutaan asing di sini yang berpusat di Kuala Lumpur,

**Tuan Rahim bin Baba:** Taan Yang di-Pertua, mengikut jawapan daripada Timbalan Menteri tadi, kutipan lesen TV setahun lebih kurang RM40 juta dan mengikut anggaran yang saya perolehi, kutipan iklan daripada TV setahun lebih kurang RM200 juta. Oleh kerana pengiklan-pengiklan ini mengiklankan barang-barang mereka kerana adanya penonton-penonton TV, jadi adakah Kementerian bercadang menghapuskan lesen TV ini sebagai aumbangan kepada penonton-penonton yang melihat TV tadi?

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebenarnya belum ada rancangan untuk menghapuskan lesen televisyen buat sementara. Terima kasih.

**Tuan Yang di—Pertua:** Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 51 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kclak]

## USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepeertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Seri Paduka Baginda kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Kelapan." [25hb Mei, 1993]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Puan Hajah Zaleha binti Hussin menyambung ucapannya.

3.35 ptg.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah mengizinkan saya - menyambung ucapan saya semalam.

Semalam saya menghentikan ucapan saya di dalam perkara mengenai campur tangan istana di negeri Kelantan. Saya mengulangi bahawa walaupun baru-baru ini Parlimen dan Dewan Negara telahpun meluluskan pindaan Perlembagaan, yang mana sebuah Mahkamah Khas ditubuhkan untuk mengawal tatasusila dan juga perilaku Raja, apa yang telah saya gambarkan bahawa di negeri Kelantan masih lagi wujud campurtangan istana ini.

Kalau semalam saya telah mengetengahkan becapa masjid dan juga khutbah Jumaat telahpun dipergunakan, hari ini saya ingin menyatakan pada Dewan ini bahawa apa yang telah jelas dapat dilihat, walaupun kekebalan dan Imuniti sudah ditolak oleh Kerajaan, tetapi di negeri Kelantan masih nampak bahawa Majlis Agama Islam Kelantan, (MAIK) masih mempunyai kekebalan. Apabila Yang Berhormat Nordin Salleh telah membuat aduan kepada pihak Polis mengenai khutbah yang telah dibaca oleh seorang kadi di sebuah masjid, maka di atas pengaduan itu, dia telah dibawa ke Mahkamah. Dia telah dibawa pengadilan ke Mahkamah Syariah, kononnya ini adalah menghina kepada Majlis Agama Islam Kelantan,

Kalau kita lihat dengan secara terperinci, jelas bahawa seorang Islam yang ingin menegur sebuah institusi agama yang kelihatan tidak tampak dalam bentuk keadilan, kalau seorang Islam hendak menegakkan keadilan di dalam bentuk yang telah ditunjukkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan sendiri telah dianggap merupakan suatu kesalahan. **Ini** terbukti bahawa Majlis Agama Islam Kelantan menampakkan bahawa Majlis Agama Islam itu kebal, ertinya tidak boleh ditegur. Tidak

boleh sama sekali siapa-siapa sahaja hendak menyebut ataupun hendak mengkritik Majlis Agama, Islam itu sendiri bila sesuatu kekebalan ini nyata jelas, siapa yang kebal dan siapa yang ada di belakang kekebalan Majlis Agama Islam itu sendiri. Ini sebagai seorang rakyat daripada Kelantan, saya raenyatakan kesal terhadap apa yatig telah berlaku.

Walaupun baru-baru ini rakyat di negeri Kelantan telahpun berhimpun beramai-ramai menyampaikan hasrat rakyat Kelantan kepada Baginda bahawa Baginda diminta, dimohon supaya tidak mencampuri di dalam masalah politik walaupun perhimpunan itu adalah merupakan perhimpunan yatig tidak diizinkan oleh pihak Keselamatan Dalam Negeri, tetapi' rakyat terus mengadakan perhimpunan itu dengan secara yang amati, dengan membawa Memorandum, memohon kepada Baginda supaya tidak mencampuri politik di dalam negeri Kelantan. Kerana dengan wujudnya campurtangan politik ini yang masih lagi berleluasa di negeri Kelantan **ini**, campur tangan istana, menyebabkan keadaan rakyat di negeri Kelantan sendiri tidak dapat hidup di dalam keadaan perpaduan dan harraoni.

Di negeri Kelantan hari ini sudah jadi dua. Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya sebut dalam Dewan Negara **ini**, hasil daripada keadaan yang berlaku, kekalahan dalam pilihanraya yang lalu, tetapi itu perkara yang sudah berlalu, tetapi sekarang **ini**, dengan keadaan yang demikian, di Kelantan, Penghulu pun ada dua; Peggawa pun ada dua; DO pun kena ada dua. Habis semua jadi dua! Dan saya nampak keadaan ini nyata dan jelas.....

**Tuan Haji Mohamed Razri bin Abdul Aziz:** [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sebentar.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini pasal semenjak campurtangan Raja ini, semua sudah ada dua. Macam mana dengan Sultan di Kelantan? Ada berapa?

**Puan Hajjah Zaleha binti Husin:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak nyatakan soal Sultan ini oleh kerana semalam Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri menyatakan bahawa kesahihan Kerajaan negeri bagi Negeri Kelantan akan ditentukan oleh Mahkamah Khas. Maka apabila Mahkamah Khas telah menggubal undang-undang ini akan terlihatlah berapa Sultan ada di negeri Kelantan.

Saya hendak nyatakan iai sebagai seorang rakyat di negeri Kelantan, saya menyatakan di Dewan Negara yang mulia **ini**, saya kesal terhadap apa yang telah berlaku kerana saya nampak Raja-raja di negeri lain mematuhi; saya mengangkat tangan menghormati apa yang telah berlaku di negeri Johor, apa yang telah berlaku di negeri Pahang, Perak dan sebagainya. Apabila rakyat rnenyatakan bahawa rakyat tidak suka kepada berlakunya campurtangan istana tetapi di Kelantan masih terus berlaku. Saya difahamkan- ada pegawai-pegawai Kerajaan negeri telah ditukarkan.. Ada pegawai Kerajaan Negeri yang telahpun tidak dinaikkan pangkat dan sebagainya hanya kerana tidak mengikut selera daripada istana. Masalah-masalah irii saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Undang-undang dalam menggubal undang-undang nanti mengenai Mahkamah Khas, mereka perlulah membuat penjelasan yang sebenar-benarnya dapat ditafsirkan bahawa Raja ataupun mana-mana Sultan 'di dalam negara ini dilarang berpolitik. Apa yang kita bimbang kerana kalaulah penggubalan undang-undang ini



tidak dijelaskan mengenai larangan **ini**, yang membimbangkan ialah pentafsiran-pentafsirannya nanti tidak jelas dan saya minta bagi pihak Kementerian Undang-undang dapat menjelaskannya kepada saya dan juga kepada Ahli Dewan nanti.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya ingin menyentuh dalam soal dakwah dan juga ajaran-ajaran sesat. Sementara Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri telah menyentuh mengenai ajaran sesat secara detail mengenai Al-Arqam tetapi saya menghubungkan dan menambahkan kembali iaitulah masalah ajaran sesat yang berlaku dalam negara kita ini ada kaitannya juga dengan soal-soal dakwah dan pendakwahan. Kita mempunyai banyak institusi agama dalam negara **ini**. Kerajaan telah mewujudkan Pusat Islam, Kerajaan telah mewujudkan Yayasan Dakwah Islam, IKIM dan sebagainya. Kita berbangga dengan pengwujudan institusi-institusi agama ini. Tetapi saya suka menyarakan kepada pihak Pusat Islam ataupun pada pihak IKIM dan Yayasan Dakwah Islam sendiri di atas enam perkara yang penting pada saya.

Yang pertama, dalam hendak mewujudkan pendakwah supaya pendakwahan ini akan berkesan dan tidak berlaku ajaran-ajaran sesat yang begitu merebak di seluruh negara dan saya dengar pula baru-baru ini Yang Berhormat Dato, Dr. Yusof Nor sendiri mengatakan bahawa ada satu sindiket yang telahpun berjalan dari rumah ke rumah menghantar risalah-risalah anti-Islam dan sebagainya. Perkara ini adalah berlaku kerana kesampaian ataupun penyampaian dakwah itu tidak begitu berkesan. Dakwah adalah merupakan agen perubahan

sosial yang hidup dalam masyarakat. Oleh **itu**, ia harus bersifat berdaya maju, hidup bersama-sama masyarakat.

Yang kedua, saya memohon kepada pihak IKIM dan juga Pusat Islam supaya mengemaskinikan imej pergerakan dakwah agar ia kelihatan lebih membina, profesional dan berketrampilan mengenengahkan **isi-isi** ajaran Islam.

Yang ketiga, saya menyarankan supaya pendakwah-pendakwah yang dilatih oleh pihak Pusat Islam akan menampakkan kepada orang yang hendak didakwah itu sebagai **iaitu** menampakkan Islam sebagai agama yang relevan dengan **realiti** penghidupan manusia dan mampu pula menyatakan atau menyelesaikan atau membuat satu penyelesaian yang praktikal permasalahan masyarakat moden. Kita tidak mahu pendakwah-pendakwah hanyalah bercakap soal ibadah semata-mata tetapi biarlah lahir pendakwah-pendakwah yang dapat bercakap taemberi perimbangan keduniaan dan akhirat. Menceritakan betapa luasnya ilmu-ilmu Islam itu sendiri. Saya bimbang seperti apa yang telah berlaku di negeri Kelantan, ada daripada kalangan rakyat Kelantan merasakan miskin itu hanya takdir Allah semata-mata. Jadi, kalau tidak kaya pun tidak apalah. Kalau jalan berlubang pun tidak apalah. Kalau rumah runtuh pun. tidak apalah. Kerana itu dianggap hanya takdir Tuhan semata-mata. Miskin itu takdir Allah. Kerana ini pendakwaan. tidak sampai kepada masyarakat Islam bahawa Islam sendiri mengajar umatnya supaya menampakkan diri mereka itu bukan hanya menumpukan keakhiratan semata-mata tetapi perimbangan keduniaan dan keakhiratan. Saya pohon izin daripada Tuan Yang

di-Pertua, di dalam Hadis Rasulullah mengatakan [Membacakan sebuah Hadis] yang berraaksud:-

"Bekerjalah untuk dunia seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya. Bekerjalah untuk akhirat seolah-olah kamu akan mati esok".

Perirabangan ini telah diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. dan telahpun diberitahu dan saya minta, saya memohon supaya pihak yang bertanggungjawab di bidang melatih pendakwah-pendakwah ini supaya bilangan pendakwah ini diramaikan dan kalau boleh saya mohon supaya pendakwah-pendakwah yang telah dilatih dengan ilmu-ilmu pengetahuan untuk berada bersama-saraa masyarakat diperbanyakkan ke negeri Kelantan.

Yang keempat, kita melihat dalam segi fungsi ulama sendiri Pusat Islam dan juga Yayasan Dakwah Islam juga perlu memformasikan institusi ulama dan cerdik pandai Islam. Ia melibatkan usaha-usaha mewibawakan ulama dengan rentak pemikiran semasa dan menyelaraskan pengetahuan semasa dengan ilmu-ilrau Islam. Ia juga pada asasnya melibatkan uaaha-usaha uatuk taendapatkan kepakaran dan kemahiran secara Islamik dalam masyarakat. Usaha-usaha ini diperlukari.

Yang kelima, Yang Berhorraat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada pthak Pusat Islam supaya melahirkan pendakwah-pendakwah intelektual dakwah supaya dapat meningkatkan kekuatan daya fikir hingga ke peringkat mampu mengoperasikan dan menginstitusikan Islam dalara masyarakat itu sendiri. Saya mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk memberi penghargaan kepada Yang Berusaha

Ketua Pengarah Pusat Islam sendiri, saya nampak Ketua Pengarah Pusat Islam sendiri telahpun mengambil beberapa daya inisiatif dengan mengadakan berbagai-bagai seminar dan juga telahpun membawa ulama-ulama dari luar negara untuk sama-sama berbincang dalam masalah-oiasalah, isu-isu yang ada pada hari **ini**. Walau bagaimanapun, dalam usaha-usaha yang dilakukan masih belum cukup dalam melatih pendakwah-pendakwah yang akan bersama-sama masyarakat yang kita lihat masyarakat kita sekarang ini berada dalam serba maju dan moden.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dalam soal peruntukan di negeri Kelantan. Saya ingin bertanya kepada pihak Kemenceriaan Kewangan, setakat ini berapa banyakkah peruntukan-peruntukan kewangan yang telahpun dibawa ke negeri Kelantan.

Saya memohon kepada pihak Kementerian Kewangan supaya menyediakan angka-angka yang detail mengenai peruntukan di negeri Kelantan mengikut keperluan-keperluannya yang ada. Kerana apa yang saya sebut di sini, kami di negeri Kelantan pada hari ini melihat, walaupun saya telah difahamkan, Kementerian Kewangan sendiri telahpun menyalurkan. Begitu juga, Kementerian-kementerian yang lain telah menyalurkan kemudahan kepada rakyat di negeri Kelantan menerusi berbagai-bagai agensi dan Jabatan.

Tetapi apa yang saya dapati, pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tidak langsung memberi kerjasama dan mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah bersusah-payah menyumbangkan begitu banyak peruntukan kepada negeri Kelantan. Bahkan di akhir-akhir ini, ada golongan-golongan tertentu yang cuba menanam semula bibit-bibit anti-Persekutuan dan sebagainya dan timbul beberapa perkara negatif kepada Kerajaan Persekutuan. Dan saya telah lihat ada sebuah buku yang telah dikeluarkan untuk hanya menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan telah menzalimi Kerajaan Kelantan di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan. Penulis tersebut telah mendedahkan, kononnya, berbagai-bagai perkara, berbagai-bagai kezaliman yang telah dibuat.

Saya ingin raenyeru kepada Kementerian Kewangan menyatakan dengan detail segala peruntukan yang telah "diberikan kepada negeri Kelantan. Kerana pada saya, tidak nampak langsung walaupun Kelantan adalah sebuah negeri yang diperintah oleh Kerajaan yang berbeza dengan Kerajaan Persekutuan tetapi tidak menampakkan perbezaan. Kalau di negeri-negeri lain mendapat peruntukan, ASB dan sebagainya ataupun peruntukan sama ada *capitation grant* dan sebagainya Kerajaan Kelantan juga tidak kurang menerima peruntukan-peruntukan tersebut. Tetapi suara-suara sumbang di dalam masyarakat di dalam mukim, di dalam daerah negeri Kelantan terdengar, kononnya Kerajaan Persekutuan telah memotong peruntukan di negeri Kelantan dan telah menggigit jari rakyat negeri Kelantan, kezaliman dan sebagainya

Pada saya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan dalam Dewan Negara **ini**, sebagai Kerajaan yang memerintah di peringkat Persekutuan, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan keadilan, keadilan yang ditunjukkan jelas walaupun Kerajaan Kelantan tidak ada kemampuan. Kalau kita lihat dari segi peruntukan, negeri Kelantan masih jauh untuk berdikari sebagai sebuah Kerajaan tanpa bantuan Kerajaan Pusat. Dan ini perlu diketengahkan kepada umum supaya sama-sama kita dapat ketahui siapakah yang menzalimkan: siapa. Tetapi setahu saya, di negeri Kelantan sendiri, kalau saya hendak menyatakan kepada Dewan yang mulia ini, Kerajaan PAS yang telah memerintah negeri Kelantan sendiri, banyak penaniayaan dan kezaliman yang telah dibuat. Walaupun pihak PAS ataupun pihak S,4( sendiri tidak memperakui di antaranya saya dapati ada imam-iram

yang telah disuruh berhenti, kononnya dengan alasan memegang dua jawatan. Memegang dua jawatan, maka dia disuruh berhenti kerana ini bercanggah dengan peraturan dan sebagainya. Sedangkan ada mereka yang memegang dua jawatan tidak disuruh berhenti dan kebanyakan mereka yang disuruh berhenti itu adalah penyokong-penyokong Kerajaan.

Banyak lagi perkara-perkara keaaliraan dan penganiayaan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada penyokong-penyokong Barisan Nasional yang -ada di negeri Kelantan. Tetapi apa yang malangnya, kezaliman dan penganiayaan, Kerajaan Negeri Kelantan tidak dihebohkan, tidak diberitahu. Tetapi kononnya, Kerajaan Persekutuan yang telah menyumbangkan begitu banyak peruntukan kepada negeri Kelantan dianggap zalim. Saya ingin menasihatkan kepada pengarang buku yang telahpun mengeluarkan buku tersebut supaya berhati-hati dalam karya, jangan hanya hendak mengatakan sesuatu karya-karya untuk dipamerkan kepada umum sedangkan hakikat yang sebenarnya tidak begitu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa setakat ini saya lihat di negeri Kelantan walaupun di bawah pimpinan Kerajaan PAS, Kerajaan Persekutuan terus menyumbangkan sumbangan-sumbangan untuk rakyat negeri Kelantan. Saya merayu kepada rakyat negeri Kelantan supaya ia bersyukur dan berterima kasih ke atas apa yang telahpun diterimanya selama ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, itulah tiga perkara yang saya telahpun stntuh dalara ucapan saya. Dalam masa setengah jam ini

dan juga semalam, saya telahpun mengambil masa hampir 15 minit.

- Dalam 45 minit itu, saya dengan ini menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Johan B.O.T. Ghani.

**3.56 ptg.**

**Tuan Johan B.O.T. Ghani:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk ikut serta dalam membahar Titah Ucapan Seri-Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah, Mesyuarat Pertama, Penggal Yang Ketiga. Parlimen Kelapan pada 26hb April, 1993.

Tuan Yang di-Pertua saya berdiri di sini pada hari ini di Dewan yang mulia ini sebagai mewakili rakyat Malaysia dari negeri Sabah. Saya ingin memberi gambaran yang berlaku masa kini, negeri di bawah bayu. Untuk pengetahuan rakan-rakan saya", kedudukan negeri Sabah masa kini telah memberi kesan yang hebat kepada kedudukan pembangunan sama ada ekonomi, sosio-politik dan kehidupan rakyat jeelata. Untuk pengetahuan, sejak tahun 1990, apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) mengumumkan partinya keluar daripada Barisan Nasional. pada 15hb Oktober, 1990, UMNO di bawah pirapinan Ketua Perhubungan UMNO yang telah dilantikkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Abdul Ghafar Baba dalam mencurahkan tenaga dan berusaha dengan penuh dedikasi untuk menjayakan pembangunan yang lebih teratur serta berkesan bagi negeri Sabah. Lawatan Yang Amat Berhormat Tirabalan Perdana Menteri setiap bulan ke negeri Sabah



untuk mengatur serta melihat sendiri proses pembangunan di negeri Sabah sama ada ianya berjalan dengan baik atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa sejak tahun 1991, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) untuk tujuan menjalankan tugas-tugas pembangunan di negeri-negeri tersebut. Jabatan ini adalah bertanggungjawab untuk memastikan supaya pembangunan dapat dijalankan yang lebih pesat dan teratur supaya negeri Sabah tidak akan ketinggalan kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Dengan penubuhan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah,- saya yakin hasrat dan cita-cita Kerajaan Persekutuan yang ingin mengecap faedah dan nikmat, pembangunan yang disalurkan melalui Jabatan ini terbukti dengan sendirinya.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, dalam mengatur strategi pembangunan negeri Sabah, tumpuan ataupun sasaran besar telah diberikan kepada pembangunan-pembangunan kemudahan-kemudahan fizikal dan ini merupakan strategi penting di bawah Rancangan Malaysia Keenam bertujuan meningkatkan lagi taraf hidup dan kesejahteraan rakyat. Kita juga berharap Rancangan Malaysia Keenam memberi tumpuan kepada kemudahan-kemudahan seperti bimbingan sekolah-sekolah, hospital, klinik-klinik desa " dan rangkaian pembinaan jalanraya.

Apa yang penting di sini ialah bagaimanakah pembangunan ini boleh menghasilkan faedah maksimum untuk dimanfaatkan oleh rakyat Sabah.

Program membantu masyarakat luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada meningkatkan projek-projek pendidikan, program ini meliputi kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan **air**, elektrik, jalan-jalan kampung dan memberi bantuan rumah kepada penduduk yang terdiri dari golongan termiskin. Skim ASB, PPRT merupakan program penting di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk memberikan bantuan kepada golongan yang termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah mendengar bahawa Kerajaan campuran yang telah dibentuk di antara parti PBS dengan USNO. Mengikut pengtahuan saya, walau pun Kerajaan campuran dibentuk, namun masalah rakyat di negeri Sabah tidak dapat diselesaikan ataupun tidak dapat diatasi selagi Kerajaan yang memerintah di negeri Sabah pada hari ini menjadi Pembangkang kepada Kerajaan Pusat.

Kita bersyukur kerana dengan kedatangan UMNO ke Sabah, rakyat Malaysia di Sabah sedar bahawa satu masa nanti mungkin menjadi satu kenyataan bahawa anak-anak Malaysia daripada Sabah akan berjaya untuk menduduki kerusi Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri. Kelebihan kehebatan UMNO di Sabah sedikit-sebanyak menggugat kedudukan pemimpin-pemimpin PBS. Malah mereka merasakan

kedatangan UMNO ke Sabah telah mencabar kewibawaan serta kedudukan mereka selama **ini**. Kemunculan UMNO juga telah membuka ruang kepada rakyat Sabah untuk terus berusaha sendiri, serta berdiri di ataa kaki sendiri, untuk mengamati segala tindak-tanduk yang telah dilakukan oleh PBS. Semenjak mereka memegang tampuk Kerajaan/pemerintahan pada tahun 1985, pemimpin-pemimpin PBS juga pada hari **ini**, bermain dan meniupkan isu-isu kepada rakyat khususnya di luar bandar berhubung dengan isu 20 Perkara yang sering dijadikan sebagai bahan parti PBS untuk mengelirukan dan meracuni fikiran rakyat supaya membenci kepada Kerajaan Pusat.

Kalau benar tuduhan-tuduhan PBS itu bahawa Kerajaan Pusat tidak menunaikan janjinya dalam Perjanjian 20 Perkara, mengapakah tidak seorang pun pemimpin-pemimpin PBS tampil ke hadapan untuk menghadiri semasa forum 20 Perkara yang dianjurkan oleh Barisan Nasional Sabah baru-baru yang lalu di Kota Kinabalu, walaupun pemimpin-pemimpiti PBS ini dijemput sebagai panel dalam forum tersebut.

Tuan Yang di-Pertua terdapat juga rakyat luar bandar di Sabah tidak dapat mengetahui perkembangan program-program yang berlaku di negeri Sabah mahupun juga di Semenanjung. 'Ada tempat-tempat yang tidak mendapat menerima siaran televisyen. Saya berharap Kerajaan dapat mencari jalan untuk mengatasi tnsalah ini kerana sudah hampir 30 tahun Sabah merdeka melalui Malaysia, namun perkara ini masih berlaku. Saya percaya sekiranya peluang ini dapat dinikmati oleh mereka yang tinggal di pedalaman, maka mereka tidak merasakan bahawa mereka diabaikan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merakamkan terima kasih saya dan syabas kepada pegawai-pegawai Persekutuan dan Negeri yang telah bertungkus-lumus- untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik sekali. Terutama sekali, kepada Setiausaha Persekutuan Sabah yang telah berjaya mewujudkan suasana kerja yang harmoni di kalangan pegawai-pegawai. Tanpa usaha beliau dan pegawai-pegawai lain yang ada, sudah tentu segala usaha Kerajaan Persekutuan tidak akan berjaya dan berhasil.

Saya juga merakamkan jutaan terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia kerana melantik Yang Amat Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun sebagai Menteri Hal Ehwal Sabah baru-baru ini. Saya percaya dan yakin dengan perantikan Tun Datu Mustapha sebagai Menteri Hal Ehwal Sabah, scenario politik Sabah akan bertukar.

Pemimpin-pemimpin PBS mengharapkan juga dengan perantikan Tun Datu Mustapha sebagai Menteri Pusat boleh mempercepatkan pembangunan dan dapat membantu untuk menyambung semula hubungan. Sabah dengan Kuala Lumpur yang telah terputus selama ini semenjak PBS keluar daripada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, ini ternyata sekali bahawa pemimpin-pemimpin PBS tidak mempunyai kemampuan untuk mencari jalan bagaimana untuk merapatkan acaupun menyambung semula hubungan di antara Sabah dan Semenanjung. Dengan perantikan ini, saya yakin dan percaya bahawa Tun Mustapha mempunyai peranan yang sangat penting dalam perkara ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pemimpin-pemimpin komponen Barisan Nasional daripada Semenanjung Sabah dan juga Parti Bersatu Sabah kerana sokongan mereka ke atas perlantikan Tun Mustapha sebagai Menteri Hal Ehwal Sabah. Cuma yang saya hairan ialah kenyataan. Ketua Menteri Sabah, Datuk Pairin. Walaupun beliau menyokong tetapi katanya, "kalau bukan kerana PBS/USNO adakan Kerajaan campuran, Tun Mustapha tidak akan dilantik menjadi Menteri." Kenyataan semacam ini adalah kenyataan kebudak-budakan. Kenyataan Datuk Pairin itu tidak ada asasnya. Perkara ini kami lebih tahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun boleh bercakap kepada Datuk Pairin iaitu kalau bukan kerana Datuk Pairin takut kepada UMNO yang berada di Sabah, tidak termimpi Datuk Pairin untuk mengadakan Kerajaan campuran dengan USNO. Sedangkan kerusi PBS lebih dua pertiga untuk PBS memerintah negeri Sabah sehingga habis tempohnya iaitu tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan campuran ini bukanlah perkara baru. Kerajaan campuran yang celah kita cadangkan semasa PBS belum memerintah lagi, perjanjian di antara USNO dengan PBS. Selepas itu apabila PBS telah mendapat kerusi yang cukup untuk memerintah negeri Sabah, maka USNO yang menjadi rakannya untuk menubuhkan Kerajaan BERJAYA pada ketika itu ditinggalkan. Maka berlakulah satu peristiwa pahit di negeri Sabah di mana satu rusuhan yang sangat merbahaya kepada negeri Sabah dan rakyat Sabah pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua selepas **itu**, maka saya tidak nampak sesuatu perkara yang tidak boleh diselesaikan. Maka pada ketika itu, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri datang ke Sabah untuk menyelesaikan perkara **itu**. Di dalam perundingan PBS, BERJAYA dan USNO dipanggil ke satu hotel yang terkemuka di Kota Kinabalu iaitu di Beach Hotel, bahawa di dalam perundingan itu di antara tiga parti yang terbesar di Sabah telah mempersetujui untuk mengadakan Kerajaan campuran. Namun demikian, apabila selesai sahaja perkara itu dirundingkan, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri balik ke Kuala Lumpur untuk menyusun syarat-syarat supaya Kementerian-kementerian, Menteri-menteri dan juga Timbalan-timbalan Menteri diatur supaya tidak menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua,. kita'ada mempunyai bukti di mana 3 parti yang terbesar, yang telah bersetuju untuk mengadakan Kerajaan campuran. Selepas seminggu itu, maka Pairin menyatakan, tidak ada lagi Kerajaan campuran. Ini bukan tidak ada usaha-uaha pemimpin-pemimpin di Semenanjung ini untuk menyelesaikan masalah Sabah,. tetapi yang malangnya Datuk Pairin sendiri dan PBS sendiri telah selalu bercakap yang tidak betul, bohong semuanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kesal dengan kenyataan Datu Amir Kahar sebagai Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan perlantikan Tun Mustapha sebagai Menteri Hal Ehwal Sabah adalah sebagai hiasan sahaja (window dressing). Sebenarnya rakyat Sabah sudah dapat menilai siapa sebenarnya Datu Amir Kahar. Datu Amir adalah alat PBS untuk memecahbelahkan undi orang-orang Islam di Sabah sahaja. Sekarang rakyat sudah tahu perkara tersebut. Kalau Datu Amir sanggup menghina dan memperkecilkan bapanya apatah lagi dengan rakyat, dia telah diperalatkan untuk kepentingan dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, beberapa perkara yang penting harus saya nyata dan bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Pertama, ini perkara yang penting, ialah soal keselamatan. Di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kelapan pada 26hb April, 1993, Baginda menyebut, "Dalam suasana ekonomi dunia- yang lembab, ekonomi negara kita Malaysia menunjukkan dan diramal mencatat kadar pertumbuhan yang kukuh pada kadar sekitar 8% dan keselamatan negara

terkawaL. Namun pun begitu, semua pihak hendaklah berwaspada", kata Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini saya merasa bimbang kerana di negeri Sabah ada ura-ura pihak tertentu di Sabah cuba hendak membawa Sabah keluar daripada Malaysia. Saya difahamkan Parti Bersatu Sabah (PBS) merancang menjadikan Pulau Belambangan di utara Kudat, Sabah sebagai tempat untuk melatih ketenteraan. Ini sangat merbahaya. Adakah perkara ini masa kini masih beroperasi? Ini saya ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri. Saya juga difahamkan latihan "ketenteraan itu membabitkan vateran marin di negara asing. Kalaulah perkara yang didakwa itu benar, ini akan menggugat keselamatan negara kita Malaysia yang aman dan makmur **ini**. Ini akan menjejaskan pertumbuhan perekonomian kita yang sedang berkembang. Malahan, ada di antara mereka pada ketika ini yang terlibat di dalam pakatan **ini**, telah sempat melarikan diri ke luar negara kita. Dalam hal **ini**, saya dengan tegas menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini meminta Kementerian Dalam Negeri supaya membanteras mereka sehingga ke akar umbinya sekali agar para pengkhianat dan penderhaka negara kita ini dapat dihapuskan. Tangkap mereka dan ambil tindakan yang tegas, tidak kira siapa mereka, asalkan mereka adalah pengkhianat dan penderhaka negara kita.

Saya difahamkan juga, Tuan Yang di-Pertua, ada juga ADUN-ADUN di negeri Sabah dan pihak-pihak tertentu yang terlibat untuk merabantu rakyat asing bagi mendapatkan kad pengenalan di negeri Sabah. Ini juga kalau benar, saya minta Kementerian Dalam Negeri



supaya menyasat perkara tersebut dan meminta Kementerian Dalam Negeri agar dapat mengambil tindakan dengan tegas dan cepat, kerana perbuatan seumpama itu sangat merbahaya kepada negara kita Malaysia. Dengan ini saya berharap sangat di Dewan yang mulia **ini**, untuk kestabilan politik dan untuk kearaan negara kita supaya perkara ini akan diambil tindakan dan dipandang serius oleh Kerajaan. Bila saya terbaca suratkhbar **ini**, ada lagi seorang tentera dengan senjatanya, saya fikir inilah tentera-tentera yang dilatih, rupa-rupanya di negara lain. Saya sangat bimbang sekiranya perkara ini tidak dapat diselesaikan dan dibanteras mulai daripada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 26hb April, 1993 yang lalu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong.

4.15 ptg.

**Tuan Chong Chi Siong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian untuk mengucapkan terima kasih ke atas Titah Ucapan **Duli** Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas nasihat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari. Nasihat dan tunjuk ajar Baginda itu akan sentiasa menjadi panduan hidup kita. Saya berasa amat gembira dan bangga kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memahami hasrat rakyat dalara isu pemindaan Perlembagaan berkaitan dengan immuniti Raja-raja Melayu. Corak penyelesaian masalah yang penuh bersemangat

musyawarah dan harmoni ini patut dijadikan teladan kepada Sultan Kelantan. Kami rakyat jelata hanya memohon Baginda Sultan Kelantan lebih berdedikasi, adil dan berkecuali dalam isu politik. Baginda tidak seharusnya diperalatkan oleh kumpulan-kumpulan yang kehilangan haluan dan matlamat kumpulan yang hanya memikirkan kepentingan diri, seperti DAP telah memutar belit isu serta bermain sandiwara rakyat. Taktik DAP yang terapung-apung dalam ptndirian terhadap isu Perlembagaan, cuba bersubahat dengan parti Pembangkang yang lain memperalatkan istana sebagai bahan mainan politik mereka. Baru-baru ini Pengerusi Parti apa yang dinamakan Semangat 46 itu sudah puas memainkan istana ini, mengubahkan hala kepada mamainkan isu perkauman. DAP yang selama ini kononnya memperjuangkan keadilan kaum Cina terpaksa bisu dan pekak, lalu terangguk-angguk dengan dakyah Semangat 46 itu. Ini menunjukkan bahawa DAP sanggup menjualkan maruah diri dan membebalkan muka demi mencapai cita-cica dan kepentingan peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi negara kita tidak lagi hanya tertumpu kepada peluang perniagaan tempatan, tetapi harus berhijrah ke luar, ke rantau Asia. Sebagai entrepreneurs, kita tidak harus mempunyai perasaan dan pemikiran yang serapit, sebaliknya melihat sesuatu perniagaan dan peluang sedia wujud dalam sesuatu keadaan. Pendek kata, ekonomi seharusnya tiada sempadan budaya, kaum, politik dan agama. Saya percaya semua perniagaan akan memikirkan keuntungan dan keuntungan ini akan dibawa balik ke Malaysia tanpa mengirakan entrepreneur itu Melayu, Cina atau India. Sama juga dengan pekerja-pekerja yang berkhidmat di luar negeri akan

menghantar gaji mereka ke kampung. Secara tidak langsung ini akan menambahkan kuasa membeli rakyat tempatan dan seterusnya menambahkan permintaan. Ini seterusnya akan menambahkan penghasilan dan juga membawa perkembangan ekonomi tempatan. Jadi, saya tidak nampak apakah maksud tuduhan Semangat 46 itu? Saya menyeru korporat-korporat milik bumiputera lebih giat bersama-sama dengan korporat-korporat Cina turut mencekup peluang perkembangan pasaran Asia bukan sahaja di negeri China, bahkan di Vietnam, Filipina dan Latin Amerika.

Ini adalah satu langkah yang bijak, kerana memperluaskan lagi peluang perniagaan dan pasaran komoditi eksport negara. Kita harus bertindak lebih pantas dalam menerokai kekosongan iklim perdagangan di rantau ASEAN khususnya pada masa seluruh rantau Asia kini membuka pintu ekonomi.

Saya juga meminta agar suatu peraturan dapat dibentuk, supaya korporat-korporat yang menanam modal di negeri luar akan bersama-sama mengambil tenaga buruh tempatan untuk berkhidmat di tempat baru itu. Ini akan mengatasi masalah pengangguran dan menghalang buruh negara ini merayau-rayau di negara asing seperti di Jepun dan Taiwan. Pengetahuan dan kemahiran buruh tempatan akan memberi keistimewaan kepada syarikat dan pada pihak pekerja pula akan dapat tambahan pendapatan buruh bila bekerja di luar negeri.

Saya mencadangkan bahawa pihak korporat yang berubah corak kepada syarikat MNC (multi-national corporation) ini, dapat memberi peruntukan biasiswa atau pinjaman tanpa faedah kepada anak-anak pekerja. Ini akan menarik lebih raraai tenaga buruh tempatan dan raeningkatkan mutu serta nilai tambahan teknologi hasil dalam syarikat itu. Langkah ini telah banyak dilakukan oleh syarikat-syarikat Jepun dan hasil pulangannya amatlah

tinggi. Ini kerana pekerja syarikat tertarik dengan insentif yang mewah masa depan keluarga yang terjarain dan hasil pulangan yang baik.

Di sini saya ingin memberi amaran yang keras kepada DAP dan kuncu-kuncunya:

Jangan bermain di gelorabang api, padah namanya;

Jangan jolok di sana, jolok di sini;

Duduk di sana, duduk di sini;

Jatuh maruah diri sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Chong Chi Sioug:** Saya juga menasihatkan kepada mereka, sekiranya kehilangan modal politik, bertaubatlah dan gulungkanlah tikar politik itu dan buatlah banyak kerja amal dan dirikan ibadat selagi masa masih ada.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1992 pertumbuhan ekonomi negara adalah 8%, dan pendapatan perkapita negara dijangka meningkat sebanyak 9.8%. Pencapaian yang baik ini adalah hasil usaha Kerajaan Barisan Nasional yang menitikberatkan pembangunan ekonomi sama ada dalam sektor pertanian atau perindustrian.

Negara kita telah melangkah setapak lagi ke hadapan lagi dengan raengadakan perindustrian berat dan nilai tambahan teknologi yang tinggi. Hasil pertanian kita tidak hanya dieksport bahkan diubahsuaikan dalam industri tempatan dan mengeksport dalam bentuk komoditi sudah siap.

Sebagai langkah menggalakkan perkembangan industri skala

kecil khasnya industri yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan secara maksima harus diberi perlindungan, sama ada dalam pasaran tempatan atau pengecualian cukai jualan. Pihak yang berkenaan perlu menganjurkan lebih banyak eksport perdagangan, lawatan perdagangan, pertandingan hasil rekaan dan media perkembangan teknologi yang terkini bagi pengusaha-pengusaha skala kecil. Ini akan dapat membantu pengusaha tempatan berkembang dan meningkat maju sehingga menjadi gergasi perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita sedang giat dalam perkembangan industri, tetapi kita tidak seharusnya lupa bahawa sektor pertanian memainkan peranan yang amat penting. Ia tidak perlu berkembang sehingga sampai ke suatu tahap di mana kita terpaksa bergantung kepada mengimport bahan-bahan mentah pertanian.

Kerajaan perlu memberi jaminan dan perhadian kepada perindustrian getah dan kelapa sawit. Sebahagian besar penduduk negara kita masih bergantung kepada dua perindustrian ini.

Sebagai langkah meningkatkan dan memajukan kedua-dua sektor pertanian ini, kita harus dan sentiasa mengekalkan:

- (i) mewujudkan kelebihan keistimewaan persaingan perdagangan. Ini dapat dilakukan dengan menambahkan hasil pengeluaran, hasil pulangan tenaga buruh yang tinggi dan mengubahkan pergantungan buruh kepada pergantungan mekanikal;

- (ii) pengubahan struktur organisasai penghasilan. Ini bermakna kita berubah dari mengeksport bahan mentah pertanian kepada eksport bahan siap pertanian. Dari bahan aiap ini diubah pula kepada pusat pengedaran bahan pertanian siap secara mekanikal;
- Ciii) menembusi dan menjelajahi pasaran dunia luar - ini dilakukan secara persaingan atau menpelbagaikan rupa bentuk untuk menawan citarasa pasaran;
- (iv) bentuk pengurusan yang sempurna, pantas dan cangguh. Ini akan meningkatkan produktiviti dan kepantasan menembusi pasaran dunia: dan
- Cv) falsafah perniagaan yang berani menanggung risiko, kuasa menarik pemodal aaing, kepintaran memasarkan komoditi dan pintar mengubah sesuai dengan persaingan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi negara haruslah seiring dengan peningkatan akhlak dan nilai moral. Jenayah kolar putih yang kian meningkat masih ada dalam sektor awam atau dalam Jabatan Kerajaan harus didenda dengan seberat-beratnya supaya dapat mencerminkan kestabilan dan raaruah bangsa. Akta Kanun Keseksaan dan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis perlu dirangkumi untuk memberi perlindungan terhadap kes pencolekan kaum wanita yang dipaksa melacur. Kesalahan yang tidak berperikemanusiaan ini perlu dihukum gantung sehingga mati.

Nilai moral seperti kerjasama, tolak-ansur, toleransi, muafakat dan paling hormat-menghormati gaya hidup dan pemikiran

berbagai kaum, bahkan dalara budaya adat kepercayaan dan agama perlu dipupuk semenjak di bangku sekolah lagi.

Perpaduan kaum harus dicorak kepada jenerasi muda melalui galakan dari kita semua. Ia boleh dimulakan dari Jabatan Kerajaan, sekolah, sektor awam, kilang, angkatan pertahanan negara dan institusi pengajian tinggi..

Kita harus berhati-hati dan sentiasa menjaga serta sedia bertolak-ansur dalam membentuk tenaga kerja, baik dalam Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun Kerajaan atau swasta yang melambangkan identiti masyarakat majmuk negara kita. Struktur susunan ini mungkin membawa apa yang dikatakan hukum seimbang semula jadi. Ketiga-tiga kaum yang bekerjasama ini akan saling meneliti kaum lain dan gerak-gerinya. Ini akan meningkatkan mutu kerja, kerajinan, usaha membaiki diri dan keamanan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan dan kemakmuran yang kita rasai sekarang harus dipertahankan dengan apa jua kosnya. Mengikut pepatah Melayu, "Jika melentur aur, biarlah dari rebongnya". Jika kita hendak menibentuk sebuah jenerasi yang penuh dedikasi, bermoral tinggi, amanah dan disegani, maka haruslah ianya dibentuk semenjak di bangku sekolah.



Jika kita lihat masalah pelajar-pelajar seperti merompak, menculik, menjalankan aktiviti maksiat dan kegiatan kongsi gelap yang mulai bermaharajalela di kalangan mereka menyebabkan kita bimbang dan risau. Saya minta pihak Kementerian Pendidikan mengambil langkah yang serius dan segera mengatasi masalah ini.

Saya ingin tahu adakah KBSR dan KBSM yang telah diperkenalkan itu telah membawa kegagalan dalam pembentukan akhlak dan moral? Saya ingin tahu apakah maklumat kajian maklumbalas pelaksanaan KBSR yang telah dibuat tempoh hari itu?

Masalah disiplin sekolah pada hemat saya pihak sekolah harus diberi kuasa untuk menentukan tindakan dan hukuman kepada pelajar. Ini disebabkan latarbelakang dan keperluan tindakan denda adalah berbeza mengikut kawasan. Oleh itu, guru adalah penilai yang terbaik dalam pembentukan moral pelajar,

Memandangkan peranan guru yang begitu penting, maka nilai guru dan perailihan guru perlulah berhati-hati. Selain daripada itu peranan Guru Kaunseling' haruslah jelas dan sering mendampingi pelajar untuk raengecahui masalah mereka. Ini akan mendapat keyakinan dan kepercayaan murid. Secara tidak langsung pelajar akan secara ikhlas mencurahkan masalah mereka dan Guru Kaunseling terus dapat membantu pelajar ini.

Selain daripada itu,-saya berharap Kementerian Pendidikan dapat menetapkan setiap sekolah mesti menganjurkan olahraga tahunan mereka. Saya percaya pertandingan olahraga ini adalah paling raudah dilaksanakan dan memakan kos yang paling rendah. Sekolah tidak perlu meminta badan yang besar acau hadiah yang mahal-mahal untuk menganjurkan olahraganya. Apa yang kita pentingkan ialah

pelajar-pelajar dapat berlari, berpakat, riang bertanding dengan penuh berdisiplin dan rneunjukkan kepimpinan kegiatan luar kelas yang begitu padac dan menarik ini akan menghalang pelajar-pelajar merayau-rayau di bandar dan bercampur dengan kumpulan kongsi gelap,

Saya masih berpendapat bahawa pelajar yang melakukan kesalahan yang berat perlu didenda dan dimaklumkan kepada pelajar yang lain akan dendanya itu supaya pelajar lain ingat akan akibatnya jika melakukan kesalahan **itu**. Peranan Polis amat penting di sini, kerana kehadiran Polis di sekolah sama ada memberi ceramah, lawatan dan pemeriksaan akan memberi impact yang kuat kepada pelajar, la juga menghalang anasir luar berkeliaran di kawasan sekolah, tempat-tempat hiburan haram, yang merupakan tempat berkumpulnya kongsi gelap dan pelajar-pelajar. Saya minta pihak yang berkenaan dapat mengurangkan pengeluaran lesen tempat hiburan ini. Selain daripada itu, media massa juga memainkan peranan yang penting. Tayangan video yang ganas, rompak dan ajaran-ajaran yang sesat ini banyak mempengaruhi pelajar. Saya meminta Polis dapat memeriksa dari semasa ke semasakedai video ini, mudah-mudahan dapat menghindari pelajar-pelajar yang ponteng sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kemajuan ekonomi negara, maka taraf sosio-ekonomi penduduk terus bertambah baik. Kuasa membeli telah bertambah kukuh dan citarasa hidup juga bertambah baik. Ini telah menyebabkan lebih ramai pemuda-pemudi berpindah ke bandar-bandar untuk mencukupi kemewahan dan keselisaan hidup. Ini menyebabkan suatu geographical imigrasi, serta penyusunan masyarakat yang hebat.

Kebangkitan kelompok-kelompok taman perumahan di bandar-bandar dan pekan-pekan telah menolak hutan rimba jauh ke pedalaman. Ini bermakna kehijauan dan keharuman udara yang bersih bertambah kurang dan alam sekitar bertambah panas serta sesak dengan tembok-terabok batu sesetengahnya. Saya berharap pihak yang berkenaan akan dapat mengawal pertumbuhan taman perumahan itu serta mempunyai perancangan penduduk supaya terdapatnya keseimbangan antara tebusguna tanah dengan ekologi alam sekitar.

Isu yang paling ketara ialah sistem pengaliran dan perabuangan sampah-sarap. Air hujan yang mengalir di atas permukaan siraen adalah lebih deras dan 'discharge' sungai adalah pantas. Hakisan tanah yang berturutan disebabkan pemuangan dan paric-paric di belakang bangunan yang sempit dan buruk menjadi air naik ke atas jalanraya dan secerusnya membanjiri rumah-rumah, kedai-kedai dan bangunan-bangunan Kerajaan. Keadaan ini jelas dapat dilihat di Bandar Seremban dan penduduk yang tidak berdosa di Kampung Rahang - Canah runtuh di Teraan Sereraban. Kerja-kerja menendahkan Sungai Linggi sedang giat dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Tetapi sekiranya cawangan-cawangan sungai rasmi tidak tersusun, air mengalir di bandar tidak dirancang, air dari rancangan perumahan atau perindustrian rasmi diarahkan mengalir ke bandar, maka pada pandangan saya air tetap akan bertakung di kawasan yang rendah. Beban air, lumpur dan pasir yang bertakung serta "discharge" yang pantas, mengakibatkan masalah banjir di Bandar Sereraban sejak lima tahun yang lalu. Cepat akan menjadi kenyataan.

Saya meminta pihak Kementerian yang berkenaan akan memberi bantuan SOS kepada Negeri Sembilan untuk mengatasi masalah banjir dan Canah runtuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah menghasilkan taraf produktiviti dan kualiti yang lebih memuaskan, Kerajaan telah menjalankan program penswastaan. Program ini amat berkesan dan kini kita telah merasai mutu kerja yang tinggi dan hasil pengeluaran yang baik. Namun demikian, terdapat beberapa perkara yang perlu dikaji semula oleh pihak Kerajaan dengan pihak swasta khususnya syarikat Tenaga Nasional Berhad. Masalahnya ialah selepas penswastaan, pihak TNB masih meminta pihak pemaju perumahan menyediakan tapak untuk membina substesyen elektrik. Kedua, membeli alat-alat elektrik untuk menjana kuasa. Ketiga, memasang alat-alat elektrik dan dawai substesyen.

Ketiga-tiga perkara di atas memakan belanja lebih dari RM100,000. Selepas itu pemaju perumahan akan dipaksa memberi kepada TNB secara percuma. Ini bermakna TNB dapat keuntungan atas angin sahaja. Pemaju perumahan pula akan meminta kos substesyen dan tapak tanah ini kepada pembeli dan akhirnya yang menjadi mangsa adalah pengguna.

Selain daripada itu, kabel elektrik yang melalui kawasan-kawasan tanah hakmilik individu juga dirampas dengan gantirugi taksiran Kerajaan acau setengahnya ciada apa-apa gantirugi. Sebaliknya tuan empunya tanah terpaksa membayar cukai tanah setiap tahun. termasuk tanah kabel yang tidak mendatangkan apa-apa hasil. Saya rasa keadaan ini kurang adil kepada pihak pengguna atau rakyat. TNB sebagai syarikat swasta harus menjalankan kegiatan perniagaan sendiri atau dalam lain perkataan terpaksa membeli semua alat-alat kemudahan elektrik mengikut pasaran semasa. Kos ini akan dikutip balik dalam jangkamasa melalui bil-bil bulanan pengguna.

Selain daripada itu, didapati lampu-lampu jalan yang rosak tidak dibaiki, dan sesengah tiang elektrik mulai tunduk ke tanah tanpa diganti. Perniagaan TNB perlu dirancang semula supaya sesuai dengan falsafah penswastan tadi. Mungkin dengan adanya TNB kedua, itu akan memberi persaingan dan mutu perkhidmatan mungkin akan bertambah baik. Sekiranya ini boleh mengatasi masalah, tiada perkhidmatan selepas pukul 10 malam, maka saya syorkan pihak Kementerian menimbangkan cadangan penubuhan TNB kedua itu.

Berhubung isu penswastan ini, saya meraohon agar pihak Kerajaan menilai semula kos rumah murah yang berharga RM25,000 itu. Pada hemat saya, kos rumah murah ini harus flexible. Banyak faktor mempengaruhi nilai harga rumah. Contohnya, bentuk fizikal tapak rumah murah, kos buruh, bahan pembinaan, masa dan cuaca. Saya ingin tahu apakah kriteria yang digunakan oleh Kerajaan bagi menetapkan kos rumah murah ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kerja Raya bahawa apabila ekonomi negara berkembang dengan pesat, maka sistem pengangkutan perlu berkembang sejajar dengan keperluan semasa.

Pada masa ini banyak jalan raya Gred I yang dibina selepas merdeka itu masih digunakan walhal lori pengangkutan pada masa moden ini lebih besar, lebar dan panjang.

Ini menjadikan pada setengah tempat, kenderaan kecil terpaksa berhenti untuk memberi laluan kepada laluan berat, contohnya seperti di selekoh-selekoh Bukit Putus, Negeri Sembilan. Saya berharap sepanjang jalan dari Bandar Seremban ke Bahau dapat dilebarkan untuk memberi kemudahan kepada pengguna jalan. raya dan juga perkembangan bandar Bahau yang begitu pesat itu.

Selain dari itu, jambatan yang sempit perlu diganti dari masa ke semasa sesuai dengan perkembangan ekonomi. negara dalam "hasrat mencapai Wawasan 2020 itu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Asmah.

4.42 ptg.

**Puau Hajah Asmah binti Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya sangat tertarik hati dan bersyukur kepada Allah S.W.T. di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah pada hari perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kelapan pada 26hb April 1993 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda ada menyebut, Kerajaan akan memberi penekanan kepada program-program kesedaran dan

peningkatan kemahiran dan program-program keusahawanan. dan perniagaan untuk membolehkan wanica-wanita berdikari dalam bidang ekonomi negara. Di sini tidak dapatlah saya bayangkan dan lahirkan rasa gembira saya yang amat sangat, yang mana kaum sejenis saya iaitu wanita akhirnya dapat juga pembelaan yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan. Setelah 35 tahun merdeka umum mengetahui iaitu kelemahan-kelemahan yang terdapat pada wanita-wanita yang mana pihak Kerajaanlah harus berfikir di atas sumbangan wanita kepada negara dan bangsa, memandang berat dalam melaksanakan program-program untuk wanita supaya mereka juga dapat bersama-sama bertanggungjawab untuk kemajuan negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan program-program kemahiran, hendaklah diberikan keutamaan di seluruh negara khususnya untuk wanita-wanita dan apa yang diharapkan sangat ialah kepada Menteri-menteri wanita yang berkuasa pada hari ini, hendaklah memandang berat tugas-tugas seperti dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu, yang mana seboleh-bolehnya menolong dan membimbing kaum-kaum wanita di dalam bidang ekonomi negara supaya mereka boleh berdikari. Kerajaan hendaklah mempercayai kejujuran wanita-wanita di dalam semua bidang, khususnya bidang ekonomi yang mana pertolongan modal amatlah mustahak dalam perniagaan dan ini hendaklah disalurkan kepada mereka yang layak membuat permohonan, dengan syarat-syarat yang agak longgar sedikit jika didapati berpotensi.

Dari segi penyelewengan, kita belum pernah dengar kaum wanita

melakukan jenayah-jenayah perdagangan atau terlibat dengannya. Dengan ini Kerajaan janganlah teragak-agak untuk menolong kaum wanita yang akan menceburkan diri dalam bidang perniagaan atau apa juga jurusan ekonomi negara yang boleh dibuat oleh wanita-wanita secara aktif dan besar-besaran. Apa yang saya difahamkan iaitu penduduk Malaysia pada hari ini ialah 8.9 juta lelaki dan 8.7 juta perempuan. Dengan ini jelas kita boleh mengambil pandangan dan perhatian yang mana kaum wanita adalah hampir sama dengan kaum lelaki. Dan Kerajaan patut sangat memberikan pertolongan supaya mereka tidak ketinggalan di dalam dunia moden sekarang ini dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ikhlasnya dan sukacitanya menyentuh sedikit dalam Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam yang mana agama Islam telah menjadi agama rasmi negara ini. Di samping memberi kebebasan beragama kepada yang bukan Islam, kita semua telah mengetahui semenjak negara ini mendapat kemerdekaan, Kerajaan Barisan Nasional telah banyak melaksanakan projek-projek fardhu kifayah seperti pembinaan masjid-masjid, jalan raya, sekolah, bekalan **air**, hospital dan lain-lain lagi. Bersyukurlah, semuanya ini dapat dilaksanakan mengikut kemampuan negara dan akan berterusan selagi Kerajaan Barisan Nasional memerintah, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan matlamat Wawasan 2020, Kerajaan haruslah juga berhati-hati dan berjaga-jaga di dalam melindungi agama Islam ini supaya tidak dinodai oleh tipu-helah kaum-kaum yang memusuhi agama Islam dengan cara-cara yang halus,



melalui kegiatan yang disukai oleh rakyat khususnya golongan remaja-remaja. Kaum-kaum muwah Islam ini akan sentiasa mencari jalan untuk bertapak di negara ini melalui saluran-saluran yang tertentu seperti pelaburan-pelaburan, industri-industri dan perniagaan-perniagaan. Janganlah hendaknya negara kita yang araan dan maju ini diganggu oleh anasir-anasir yang tidak diingini, seperti yang telah terjadi di negara-negara Barat sehingga berperang sesama saudara sendiri. Begitu juga ada pihak-pihak tertentu mengambil keserapatan menggunakan agama ~~lm~~ untuk kepentingan peribadi atau politik mereka. Perbuatan ini adalah penyelewengan yang mana akan memecah-belahkan perpaduan rakyat yang beragama Islam di negara ini.

Kerajaan Barisan Nasional sentiasa melaksanakan pembangunan negara seperti yang dikehendaki oleh Islam dan telah berjaya melaksanakannya sehingga terkenal" oleh dunia luar sebagai sebuah negara Islam yang berjaya, walaupun penduduknya hanya 56% sahaja yang beragama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara Islam, Malaysia haruslah menghormati hukum-hukum Islam itu dari semua aspek kehidupan sama ada pemimpin-pemimpinnya, begitu juga rakyat: jelata, supaya akan jadi tauladan kepada generasi-generasi yang akan datang. Ciri-ciri kelslaman hendaklah sentiasa ditonjolkan khususnya kepada kanak-kanak yang di bawah umur 10 tahun. Apa yang diharapkan ialah setiap anak-anak kita yang di bawah umur 10 Cahun hendaklah difahamkan betul-betul hukum-hukum agama Islam yang diwajibkan ke atas orang-orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh sedikit saya dalam Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan pertanian, yang mana dikatakan tahun 1993 ini- merupakan permulaan era baru bagi sektor pertanian. Berikutan dengan pelancaran Dasar Pertanian Negara bagi tempoh 1992 hingga 2010, langkah-langkah serupa ini adalah sangat-sangat dinanti-nanti oleh pihak petdni-petani di luar bandar khususnya di kampung-kampung tradisional. Jika program-program pertanian ini disusun dan diuruskan dengan begitu teliti, dan semua aspek dari penanaman hinggalah pemasarannya, kaum petani di luar bandar akan dapat mengcecap nikmat kehidupan bertani, tidak seperti hari ini. Hanya boleh hidup sahaja dengan 'kais pagi makan pagi". Dengan langkah-langkah Dasar Pertanian Negara ini juga, saya rasa pemuda-pemuda yang tidak mempunyai apa-apa pekerjaan akan berminat menyertai projek pertanian di kawasan masing—masing.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua rakyat Malaysia amatlah bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana negara ini aman, ekonomi negara bertambah baik dan rakyatnya hidup harmoni di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Keadaan begini adalah membanggakan kita. Janganlah lupa bahawa kita haruslah berwaspada dan berjaga setiap raasa oleh kerana musuh-musuh negara masih ada. Mereka ini irihati di atas kejayaan negara kita dan menunggu peluang apa yang boleh mereka lakukan untuk membuat ancaman-ancaman kecil atau besar kepada negara ini. Begitu juga saya ingin mengulangi seruan supaya Kerajaan memastikan jentera-jentera pentadbiran Kerajaan adalah berjalan mengikut Landasan keagamaan dengan cekap, bersih dan amanah.

Janganlah berulang lagi kejadian kebakaran pejabat-pejabat penting negara seperti di masa-masa yang lalu yakni kebakaran lapangan terbang. Boleh jadi di" satu masa nanti berlaku gangguan landasan keretapi yang boleh mengakibatkan kehilangan jiwa yang banyak. Boleh jadi juga kebakaran di bangunan-bangunan milik Kerajaan di bandaraya ini yang harganya beribu-ribu juta ringgit. Apa yang saya sebutkan ini hanya untuk memberikan peringkatan kepada pihak Kerajaan sahaja supaya unit-unitperisik Kerajaan sentiasa di dalam keadaan cergas dan bersemangat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyentuh sedikit berhubung dengan kereta nasional negara. Saya bangga dengan kejayaan pihak Kerajaan dalam projek kereta nasional iaitu Proton Saga dan sekarang ini dikeluarkan satu model baru lagi iaitu Proton Wira. Jualan kereta-kereta Proton Saga ini adalah mengatasi lain-lain jenis

kereta yang diimport dari Jepun dan juga lain-lain negara. Apa yang saya harapkan ialah pihak Kerajaan patutlah memberikan kesempatan yang Lebih banyak lagi kepada kaum bumiputera menjadi pengurus jualan daerah-daerah di seluruh negara, iaitu kepada yang berkelayaan supaya bilangan bumiputera dalam sektor ini bertambah.

Sekianlah serba sedikit ulasan saya dalam perbincangan mengenai titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya menyokong Usul **ini**, teriraa kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Munisamy.

4.55 ptg.

**Tuan K. Munisany:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyentuh sedikit-sebanyak atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, seperti yang dibahaskan oleh beberapa Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia **ini**.

Saya juga bersetuju bahawa ucapan tersebut adalah suatu yang berkat dan jelas. tsi kandungan ucapan tersebut lagi sekali membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia adalah benar-benar mengutamakan kehendak-kehendak rakyat Malaysia.

Pada pendapat saya Titah Ucapan itu telah memberi penekanan yang antaranya adalah terhadap empat perkara penting. Pertama, kejayaan Malaysia dalam pembangunan ekonomi; kedua, rancangan-rancangan untuk mempertingkatkan ekonomi; ketiga kemudahan-kemudahan yang akan dibawakan kepada rakyat jelata; dan keempat, peranan besar yang dimainkan di peringkat antarabangsa.

Kita semua sedia maklum bahawa prestasi ekonomi negara kita sejak pertengahan tahun 1980—an amat menggalakkan. Apa yang menghairankan kepada seluruh dunia ialah ketika seluruh dunia mengalami kemelesetan ekonomi, Malaysia pula telah mengalami perkembangan ekonorai yang amat baik. Beberapa faktor boleh diberi akibat daripada keadaan **ini**. Dalara hubungan ini Kerajaan kita harus dipuji di atas segala usaha yang dilakukan dalam menyediakan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun menjelang tahun 2020 nanti.

Walaupun kita semua harus menyokong dengan sepenuhnya usaha yang utama **ini**, tetapi Kerajaan janganlah membiarkan sektor pertanian ketinggalan begitu sahaja, Walaupun kita perlu menumpukan segala tenaga dalam menjayakan. Wawasan negara kita, tetapi kita tidak boleh mengeneipkan sektor pertanian. Ada beberapa pihak yang bimbangbahawa dalam perjalanan terhadap pencapaian Wawasan 2020 itu, kita mungkin akan melupakan sektor pertanian. • Kita semua sedang memerhatikan bahawa beberapa negara yang sedang membangun pernah juga mengalami kekurangan bekalan makanan semasa mereka diserang oleh kemelesetan ekonomi. Kita semua sedar bahawa mana-mana keadaan ekonomi bukanlah suatu jaminan yang stabil, tetapi sesuatu yang boleh naik dan cturun, Oleh yang demikian, saya ingin meminta Kerajaan kita supaya memberi tekanan yang cukup kuat terhadap sektor pertanian khususnya pengeluaran makanan.

Pada suatu masa dahulu, khususnya, pada awal tahun 1970-an, Kerajaan kita telah mengadakan .kempen "Makanlah buah-buahan tempatan" secara besar-besaran. Ini telah mengakibatkan penanaman buah-buahan tempatan secara besar—besaran, di mana melaluinya petani-petani kita pernah memperoleh pendapatan yang lebih besar. Berikutan daripada itu beberapa penyelidikan telah dijalankan terhadap perkembangan beberapa jenis buah-buahan tempatan seperti jambu tanpa biji, durian, nenas, honey dew, tembikai dan sebagainya. Apa yang menggembirakan ialah buah-buahan ini pernah juga diekaport ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyebutkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan kita harus memberi perhatian yang serius terhadap menjayakan semua pokok-pokok buah-buahan tempatan yang sedang menjadi "extinct" seperti buah manggis. Saya ingin menegaskan hal ini sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya maaiah ingat bahawa pada suatu masa dahulu Kerajaan kita pernah melancarkan rancangan "Buku Hijau" di mana aetiap keluarga digalakkan menanam sayur-sayuran di sekitar rumah mereka sebagai satu usaha untuk mengatasi inflasi. Barangkali rancangan seumpama ini boleh juga dijalankan bukan sahaja untuk mengeluarkan makanan tetapi juga bagi menghijaukan kawasan-kawasan kediaman kita. Sejak kebelakangan ini usaha-usaha seperti penternakan ayam, itik, kambing dan lembu serta pemeliharaan ikan air tawar dan udang harimau sedang diperkembangkan. Adalah difikirkan sesuai bahawa kempen Kementerian Pertanian boleh memainkan peranan yang lebih besar lagi dalam menyedarkan rakyat jelata kita tentang

cara-cara mengusahakan bidang-bidang ini supaya banyak lagi .Lanah-tanah yang kosong dapat dimajukan untuk mengeluarkan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh melupakan bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara adalah sedang mengimport beras dari luar negeri. Di sini, saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia **.ini** bahawa negara-negara seperti Hong Kong, yang telah menggunakan hampir kesemua tanah sedang menanam dalam laut menerusi rancangan reclamation, dengan izin. Seperti negara Jepun yang telah menjadi sebuah negara yang membangun, juga sedang menanam padi pada luar musim dengan memanaskan udara dan tanah. Di negara-negara yang tidak mempunyai tanah yang cukup seperti di Manila dan Jawa, padi adalah ditanam secara "terrace farraing" di atas gunung.

Tuan Yang diPertua, saya sedang menegaskan hal-hal ini supaya Kerajaan kita boleh merancang beberapa rancangan untuk mengatasi kedudukan kekurangan makanan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan kita atas kejayaan besar yang pernah dicapai dalam Tahun Melawat Malaysia 1990. Memandangkan kepada kejayaan besar tersebut, tahun 1994 sekali lagi akan diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Malaysia.

Beberapa banyak persediaan telahpun diambil untuk menggalakkan Tahun Melawat Malaysia 1990, itu tetapi apa yang memeranjatkan ialah bagi tahun 1994 akan datang, nampaknya beberapa halangan telah diwujudkan di mana pelancong-pelancong dari beberapa negara tidak boleh masuk ke dalam Malaysia, Apa yang dimaksudkan ialah sistem visa yang diperkenalkan oleh Jabatan Imigresen terhadap negara-negara Indonesia, Bangladesh, India, Pakistan dan juga Sri Lanka.

Saya sanggup menerima alasan bahawa ramai orang dari negara-negara ini yang masuk ke dalam Malaysia secara visa sosial sedang kekal di sini sebagai pendatang tanpa izin. Jika tidak salah, masalah pendatang asing ini pernah dibangkitkan di dalam Dewan Rakyat serta Dewan Negara berpuluh-puluh kali. Pada awal-awal lagi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah baru-baru ini



membekukan kemasukan pekerja-pekerja asing sebab beberapa ratus ribu pekerja asing telah kekal tinggal di sini tanpa izin.

Saya suka meminta Kementerian Dalam Negeri supaya mengawasi dengan rapi kemasukan dan pengeluaran pekerja asing serta mengambil tindakan yang difikirkan wajar terhadap pendatang asing tanpa izin untuk mengelakkan kepincangan masalah sosio-ekonomi.

Dengan ini biarkan saya menyatakan bahawa walaupun Malaysia yang membiarkan pendatang asing tanpa izin ini, kita tidak dapat membuka pintu kita kepada beberapa negara secara besar-besaran. Ini adalah cuma satu daripada beberapa masalah lagi yang dialami oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat kita telah banyak berkorban terhadap pembangunan negara semenjak kemerdekaan sehingga Malaysia merupakan satu masyarakat majmuk yang ideal untuk seluruh dunia. Seluruh dunia sedang merasa cemburu terhadap negara kita di mana masyarakat berbilang kaum dapat hidup dan bergaul dengan penuh mesra. Rakyat yang bersatu-padu, perdamaian, keharmonian dan persefahaman amatlah diperlukan untuk terus membawa negara kita kepada kejayaan.

Beberapa kejayaan lagi perlulah diterima untuk negara kita tetapi apa yang Perlembagaan kita sedang memberi kebebasan dalam kepercayaan-kepercayaan lain sambil menggalakkan agama Islam sebagai agama rasmi tetapi dari masa ke semasa, ada beberapa peristiwa pahit berlaku di mana terapat-terapat sembahyang agama lain pernah

dirobuhkan Saya ingin menyentuh beberapa peristiwa buruk yang telah berlaku di tempat asal saya iaitu negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua, pemecahan tempat-tempat berhala agama lain di negeri Perak bukanlah satu amalan yang baru tetapi selama ini, pemecahan itu pernah berlaku sekali-sekala dimana ada pengembangan berlaku. Apa yang dilakukan ialah pemecahan ini sedang bertambah sejak baru-baru ini oleh pihak berkuasa sendiri. Alasan yang diberikan ialah tempat-tempat sembahyang ini tidak didaftarkan seperti yang diperlukan oleh peraturan-peraturan Kerajaan. Sambil menghormati kehendak-kehendak Kerajaan...

**Tuan Haji Mohamed Razri bin Abdul Aziz:** [Bangun]

**Timbalan Yang diPertua:** Tuan Munisamy, Tuan Nazri minta laluan.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya cuma ingin bertanya, iaitu Yang Berhormat menyebut sebentar tadi bahawa berlakunya pemecahan tempat sembahyang agama lain oleh Pihak Berkuasa, adakah tanah tempat sembahyang itu kepunyaan dia ataupun tanah itu tanah Kerajaan yang mana tidak pernah dipohon untuk dinaikkan kuil? Saya ingin bertanya.

**Tuan K. Munisamy:** Tuan Yang diPertua, saya harap penjelasan untuk Yang Berhormat Nazri bangkitkan, saya ingin menarik perhatian Pihak Berkuasa supaya mengkaji latarbelakang dan menghormati kehendak kami. Saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan supaya mengkaji latarbelakang ini yang sensitif. Sesetengah kuil

tidak mempunyai tanahnya sendiri dan. ada yang didirikan di atas tanah Kerajaan sejak berpuluh-puluh tahun dahulu, bukannya baru-baru ini sahaja.

**Tuan Itam Wali bin Nawan: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, ada lagi. Tuan Itam Wali minta laluan.

**Tuan Itam Wali bin Nawan:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Mengenai dengan pembinaan kuil **ini**, ingin saya tahu dari Yang Berhormat adakah ia dipohon daripada pihak Kerajaan secara formal ataupun dibina mengikut amalan biasa sahaja oleh penganut-penganutnya.

**Tuan K. Munisamy:** Tuan Yang di-Pertua, kuil-kuil ini dibina seperti biasa tanpa memohon kebenaran dari Kerajaan di tempat-tempat masing-masing. Dengan itu, perkara ini berlaku semasa Majlis-majlis Tempatan ataupun undang-undang Kerajaan Tempatan tidak berkembang, rumah—rumah berhala dibina di tempat-tempat biasa, tetapi tempat-tempat tersebut telah berkembang dengan pesat dan sekarang menjadi 'prime location". Berpandukan kepada kawasan letaknya rumah-rumah berhala ini, Majlis-Majlis Tempatan dan Penguasa-penguasa Tempatan sedang memecahkannya untuk membenarkan pembangunan-pembangunan lain, tetapi kebanyakan kuil-kuil ini tidak boleh mendaftar kerana ia dibina bukan di atas tanah-tanah kepunyaannya.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Nazri, silakan.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang takut ini disalahtafsirkan bahawa Kerajaan tidak menjalankan kebebasan beragama. Jadi, saya ingin tahu, jawapannya senang, tanah itu tanah siapa? Tanah Kerajaankah ataupun tanah kepunyaan kuil? Soal kuil itu telah wujud beratus tahun itu tidak berbangkit, sebab kita tahu Masjid Babri di Ayuthia, India pun telah wujud 400 atau 500 tahun dahulu, tetapi pihak Hindu di sana merasakan ia perlu diroboh. Tetapi di sini, saya ingat soal berapa lama kuil itu wujud di atas tanah itu, bukanlah satu hak untuk dia mengatakan tanah itu tanah dia. Tetapi kalau itu tanah Kerajaan, saya rasa itu menjadi hak Kerajaan untuk bertindak, sekiranya kuil itu wujud di tanah Kerajaan tanpa kebenaran Kerajaan.

Jadi soalan saya jelas sahaja: kuil itu tanah Kerajaankah atau tanah yang dimiliki oleh Jawatankuasa Kuil? Itu sahaja.

Tuan K. Munisamy Tanah itu dimiliki oleh Kerajaan., bukan Jawatankuasa Kuil.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dia punya pronounciationnya 'kuil'kah atau 'kovil'?

**Tuan K, Munisamy:** 'Kuil'.

**Timbalan Yang di-Pertua:** 'Kuil', ya.

**Tuan K. Munisamy:** Tetapi, apabila mereka minta tanah ganti, ianya tidak dilayan. Apa yang menyedihkan, ada di antara beberapa kuil ini pernah menerima peruntukan Kerajaan.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** [BangunJ

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta laluan lagi sekali. Boleh ya? Sila.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat soal ganti ini, tanah itu kalau tanah kita, Kerajaan di bawah Land Acquisition Act, diambil tanah itu, kita boleh ganti atau beri duit. Tetapi kalau sekiranya tanah itu bukan tanah kita, macam mana kita hendak minta ganti kalau sebenarnya yang mula itu bukan kita punya? Itu sahaja saya hendak tanya kepada Yang Berhormat.

**Tuan K. Munisamy** Tuan Yang di-Pertua, tanah itu dipunyai oleh Kerajaan., bukan dipunyai sendiri oleh Jawatankuasa Kuil itu. Tetapi, kuil itu didirikan di atas tanah itu berpuluh-puluh tahun dahulu, sejak colonial time, dengan izin. Sebab itu, Jawatankuasa Kuil tidak tahu raacam mana hendak mendaftarkannya. Sebab bila dia

pergi untuk mendaftarkan tokong ataupun kuil itu, Pendaftar Pertubuhan bertanyakan surat kebenaran daripada Kerajaan ataupun sama ada tanah itu mempunyai geran. Tetapi soalan yang saya bangkitkan di sini ialah kuil tersebut telah ada di tempat itu berpuluh-puluh tahun. Baru-baru ini sahaja ia hendak dipecahkan. Jadi, apa yang kita hendak tanya ialah gantikan satu tempat lain yang sesuai untuk berhala, itu sahaja. Bukan kita hendak tanya yang lain atau kita tidak berniat untuk merobohkan tokong **itu**, tetapi tempat ganti.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** [Bangun]

**Timbalan Yang di—Pertua:** Tuan Nazri minta jalan lagi.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya bertanya, maknanya kalau pada hari ini saya dirikan masjid dalam kawasan Yang Berhormat tanpa kebenaran, 20 tahun masjid sudah ada, kemudian Yang Berhormat hendak bina kawasan tanah itu, runtuhkan masjid saya, Yang Berhormat kena ganti tanah pada' saya tak, saya hendak tanya Tanah, tanah Yang Berhormat, bukan tanah saya.

**Tuan K. Munisamy:** Bukan, saya tanya soalan yang tadi [Ketawa] Apa yang saya tanya di sini, kuil ini adalah satu tempat ibadat, ada orang yang menganut agama yang berlainan, dia ada tempat itu, banyak. Apa yang saya- hendak tanya, kalau Kerajaan hendak memiliki tanah untuk memajukan canah itu atau untuk pembangunan yang kita tanya, berilah satu tempat. Kita tanya - we request the Government, kita tanya Kerajaan, merayu kepada Kerajaan.

**Timbalan Yang di—Pertua:** Jadi, kalau boleh saya.....

**Tuan K. Munisamy;** Kita merayu.....

**Timbalan Yang di—Pertua:** Jadi, kalau boleh, saya mencelah di sini, Tuan Nazri tanya, saya ingat kedua-dua pihak sudah jelaslah. Tuan Munisamy pun kata tanah itu tanah Kerajaan dan Tuan Munisamy hendakkan Kerajaan beri satu tanah alternatif, tetapi Tuan Nazri kata, sebagai satu contoh, kalau Tuan Nazri buat satu masjid di tanah Tuan Munisamy, dan Tuan Munisamy pula ingin memajukan tanah **itu**, adakah Tuan Munisamy mahu membayar gantirugi kepada Tuan Nazri? Itu pertanyaannya. Mahu bayar tak kalau tanah itu Tuan Munisamy punya?

**Tuan Baji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Tuan Nazri.

Tuan K. Muaisamy: Tuan Yang di-Pertua, ini susah! [Ketawa]  
Kita ini rakyat Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya. Tetapi saya rasa teruskanlah ya.

K. Tuan Munisamy: Apa yang saya merayu kepada Jabatan Perdana Menteri, keluarkanlah satu kenyataan yang tegas terhadap amalan yang menakutkan ini sebab ,apa yang sebenarnya dibincangkan ialah persefahaman dan keharmonian di kalangan rakyat jelata menjadi satu halangan di antara rakyat jelata. Sebab itulah akan menjadi satu salah faham di antara satu sama lain.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, Tuan Nazri puas hati? Saya beri laluan. Kita tak mahu gaduh, tetapi penjelasan sahaja.

**Tuan -Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya boleh terima apabila Tuan Munisamy kata merayu; sebab bila merayu itu maknanya bukan hak **dia**. Jadi, kalau dia merayu, kalau Kerajaan tak beri,

Kerajaan tidak salah. Cuma daripada pendengaran ucapan dia tadi seolah-olah, kadang-kadang bergaduh ini, walaupun Kerajaan ada hak, tetapi orang Hindu boleh marah Kerajaan walaupun dia bersalah sebab dia buat kuil atas tanah. Kerajaan, bukan tanah dia! Jadi, bila Yang Berhormat sebut "merayu", yang itu saya boleh terimalah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, merayu itu, dia berhak merayulah,

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Berhak merayu, okay. Tetapi not as of right, because that ia not hia land, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan K. Munisamy:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah untuk menjaminkan perkhidmatan cemerlang dalam perkhidmatan awam. Perkembangan terakhir dalam hubungan ini ialah Sistem Saraan Baru atau sistem kenaikan gaji seseorang kakitangan Kerajaan telah menjadi tanda soal, Menurut sistem ini, saya difahamkan bahawa gaji 5% daripada kakitangan dalam satu Jabatan yang didapati tidak menyumbang secukupnya boleh dijadikan statik.

Begitu juga saya difahamkan bahawa 2% daripada kakitangan yang memberi sumbangan yang sungguh besar akan diberi kenaikan gaji secara besar-besaran. Di sinilah yang telah menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan kakitangan Kerajaan. Ini adalah kerana dalam mana-mana satu Jabatan, dalam amalan biasa pegawai atasanlah yang menulis laporan prestasi tahunan. Penulisan laporan prestasi tahunan itu mungkin boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor sama ada pengaruh baik ataupun buruk. Oleh itu, kita jarang mendapat situasi



dimana laporan prestasi tahunan akan memberi gambaran yang cukup cepat. Ini bermakna dalam banyak kes laporan prestasi tahunan, mungkin boleh dipengaruhi bukan oleh jenis dan mutu kerja yang dibuat, tetapi berdasarkan hubungan antara kakitangan yang dinilai dengan Ketua Bahagian.

Oleh itu, saya masih berpendapat bahawa Sistem Saraan Baru ini masih dalam peringkat permulaan dan oleh itu akan membawakan banyak rungutan daripada kalangan kakitangan Kerajaan. Saya berpendapat bahawa jika Kerajaan ingin membawa keadaan adil dan aaksara di kalangan kakitangan, maka satu sistem perlulah dirumus di mana fahaman sebenar tentang laporan prestasi ini boleh diperkemaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana sejak satu dekad yang lalu, nama Malaysia telahpun dirakamkan dengan cemerlang di seluruh dunia menerusi pelbagai kegiatan dalam pelbagai bidang. Salah satu daripadanya ialah dalam usaha-usaha pendamaian sedunia. Malaysia pernah memberi sokongan kuat dalam pemulihan semula negara-negara yang menjadi mangsa perang. Saya berharap Malaysia akan terus menyuarakan isa-isu yang difikirkan adil dan saksama di peringkat antarabangsa.

Dengan ini saya menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Tiong Thai King.

**5.20 ptg.**

**Tuan Tiong Thai King:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Kelapan pada 26hb April 1993 yang lalu.

Kita dapati bahawa dalam Titah Ucapan Baginda, Seri Paduka telah menyentuh secara luas masalah ekonomi, kemudahan-kemudahan infrastruktur, masalah tenaga pekerja, kemudahan kehidupan rakyat, pendidikan, agama serta dasar-dasar kita dalam arena politik dan ekonomi antarabangsa. Baginda juga menegaskan langkah-langkah yang akan terus diambil oleh Kerajaan kita dalam bidang-bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan sokongan kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, namun demikian saya ingin mengemukakan beberapa pendapat di Mesyuarat Dewan yang mulia ini untuk pertimbangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menghadapi suasana ekonomi dunia yang lemah beberapa tahun kebelakangan ini ekonomi negara masih terus mencatat kadar pertumbuhan pada kadar 8%. Naraun demikian, rakyat tetap diseru agar jangan berpuashati dengan pencapaian setakat ini dan sebaliknya harus berusaha meningkatkan lagi dengan bersungguh-sungguh lagi. Untuk mengembangkan terus ekonomi dan memastikan kedudukannya yang kukuh sedang menuju ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020 ada beberapa masalah hendaklah kita bersama-sama Kerajaan dan rakyat berusaha mengatasinya.

Yang pertama, kita harus mempercayai peranan yang dimainkan oleh mereka dan meletakkan mereka pada tempat yang tepat dalam pembangunan negara. Dasar Kerajaan terhadap mereka harus ada perbezaan, tetapi satu aspek yang sama ialah Kerajaan mesti menyediakan iklim menarik dan akan membawa faedah kepada pelabur asing atau tempatan. Dengan adanya pelaburan mereka dalam bidang industri, pertanian dan perkhidmatan sektor-sektor akan raju dengan pesat yakni ekonomi akan terus berkembang. Mengenai penarikan pelaburan asing, perhatian harus ditumpukan atau tekanan harus diberi kepada industri-industri yang berintensif modal, berteknologi canggih serta merapunyai potensi yang lebih mantap dan berkesan yang dalam tempoh yang tertentu boleh melakukan pemindahan teknologi dan kepakaran mereka.

Sektor swasta kita harus digalakkan untuk menceburi ke dalam bidang industri kecil dan sederhana. Mereka dibebaskan dari ekuiti bahkan diberi pengecualian cukai pendapatan bagi sepuluh tahun umpamanya serta lain-lain galakan atau insentif. Dengan demikian, saya yakin pihak swasta manapun tidak mahu ketinggalan untuk merebut peluang-peluang yang tersedia itu.

Yang kedua, kemudahan infrastruktur dan keperluan tenaga elektrik tidak dapat dinafikan pentingnya menyediakan kemudahan infrastruktur dan tenaga elektrik terhadap kemajuan dan pembangunan ekonomi sesuatu kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Sarawak telah mencapai banyak kemajuan sejak merdeka dalam Malaysia. Tetapi Sarawak masih ketinggalan dalam bidang kemudahan infrastruktur jika dibandingkan dengan Semenanjung. Walaupun demikian, kita harus mengakui bahawa Kerajaan telah berusaha meningkatkan infrastruktur pengangkutan udara dan laut di Sarawak. Namun rakyat masih kurang puashati, dan ingin meminta Kerajaan berusaha lebih kuat menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti pembinaan jalanraya dan jambatan-jambatan untuk menyeberangi sungai. Kerajaan sedang menggalakkan sektor perindustrian terus diperkukuhkan dengan meningkatkan lagi sektor perkilangan. Matlamat ini hanya boleh dicapai jika tersedia kemudahan infrastruktur, tenaga elektrik dan bekalan air selain dari iklim pelaburan yang menarik.

Yang ketiga, pembangunan sumber manusia. Dalam bidang pembangunan sumber manusia telah saya cakap banyak dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir, sektor swasta adalah digalakkan menyertai dalam program latihan kemahiran. Tetapi pada hemat saya sektor swasta lain hendaklah juga digalakkan mendirikan institusi pengajian tinggi untuk mengeluarkan tenaga manusia yang berilmu dan berteknologi canggih. Kerajaanpun harus berusaha membina lebih banyak universiti untuk menampung pelajar-pelajar yang semakin ramai yang berkelayakan. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sumber manusia adalah penting dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya hanya menyentuh beberapa raasalah tersebut dan berharap agar Kerajaan akan memberi perhatian dan pertimbangan kepada pendapat itu, serta langkah-langkah lebih berkesan akan diarabil untuk mempercepatkan perkembangan ekonomi Sarawak dan meningkatkan taraf hidup rakyat Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Rahaiah.

5.28 ptg.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Tuan Yang di-pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahar Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini. Sesungguhnya saya bersyukur kepada Allah kerana dengan izinNya negara kita aman damai dan ekonominya stabil dan berkembang dengan pesatnya. Kadar inflasi rendah dan kadar pengangguran juga semakin berkurangan. Peluang pekerjaan melimpah ruah hinggakan kebanjiran rakyat asing sukar dikawal. Saya juga mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri yang terlibat yang begitu bersungguh-sungguh berusaha untuk menarik pelabur asing bagi membuka industri berat dan ringan di negara ini dan sebagai yang disebutkan tadi peluang pekerjaan terbuka luas. Dalam konteks **ini**, rakyat bukan sahaja harus diberi peluang pekerjaan seperti berlaku sekarang iaitu pertambahan hebat penyertaan warganegara sebagai pekerja-pekerja kilang tetapi diberi juga mereka peluang untuk

meningkatkan diri di dalam bidang perindustrian **itu**. Saya cadangkan pihak Kerajaan membuat kajian tentang penglibatan pekerja di pelbagai Cahap, dipastikan bahawa rakyat kita diberi peluang secukupnya untuk mempelajari teknologi perindustrian yang diceburi dan bersedia untuk dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas yang lebih mencabar dan pemindahan teknologi berjalan sepertimana yang dirancangan. Biarlah kependudukan ataupun, dengan izin, population di dalam sektor ini mencerminkan dari sekarang hasrat dan cita-cita Kerajaan bagi mewujudkan masyarakat yang adil dan saksama.

Kalau dulu, yang di luar bandar itu Melayu dan miskin dan di bandar itu lain bangsa dan kaya, maka pada hari ini janganlah pula mewujudkan satu pengenalan di mana yang bekerja sebagai, dengan izin, operators itu orang Melayu dan wanita pula dan di tahap penyelia-penyelia dan atasannya berbangsa lain dan lelaki. Kerajaan haruslah menghindarkan pengkelasan bangsa dan jenis ini sebelum terlambat.

Jelas bahawa pelaburan asing memberi peluang pekerjaan kepada rakyat dan- di masa yang sama, memberi peluang kepada usahawan-usahawan dalam negara melibat diri sebagai rakan kongsi ataupun sebagai usahawan industri sokongan. Apa yang saya ketahui adanya dewan-dewan perniagaan yang mantap, yang berusaha untuk menjodohkan ahli-ahlinya juga sudah tentu mantap dengan pelabur-pelabur asing. Mereka mendapat dedahan sewajarnya dan sudah tentu bijak merebut peluang yang didedahkan. Apa yang membimbangkan ialah setakat mana peranan yang dapat dilakukan oleh usahawan-usahawan individu yang lahir di zaman Dasar Ekonomi Baru dan selepasnya. Disarankan Kerajaan mencari jalan untuk juga melibatkan usahawan-usahawan individu ini dengan perkembangan industri mutakhir. Misalannya,

mengikut perangkaan tahun 1990, projek-projek perkilangan yang diluluskan adalah sangat baik. Didapati bahawa di dalam perkilangan ini, ekuiti Malaysia berada di tahap 55% berbanding dengan ekuiti asing iaitu 45%. Ekuiti bumiputera pula pada masa yang sama ialah 46% daripada ekuiti Malaysia yang 55% tadi. Ada satu pula nota di bawah perangkaan tersebut yang berbunyi: "Ekuiti bumiputera termasuk ekuiti daripada agensi-agensi amanah dan institusi bumiputera." Persoalannya, berapa peratuskah ekuiti bumiputera itu dipegang oleh usahawan-usahawan bumiputera itu sendiri?

Selain daripada agensi amanah, minta dipertingkatkan penyertaan secara langsung usahawan-usahawan di dalam kategori yang saya sebutkan tadi supaya kemasukan pelabur-pelabur asing akan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak, bukan sahaja oleh usahawan-usahawan gergasi. Kalau usahawan-usahawan kita tidak usahakan jodohnya dengan pelabur-pelabur asing tadi, maka besar kemungkinan mereka akan jadi lapuk dan akan membebankan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya pada hari ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah mewujudkan satu Kertas Dasar dan Pelan Bertindak bagi Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana. Diharap usahawan-usahawan di dalam pembangunan yang saya sebutkan tadi dapat dilibatkan dengan pembangunan ekonomi negara melalui Pelan Bertindak tadi. Usaha-usaha hendaklah dilipatgandakan supaya mereka dapat benar-benar melibatkan diri dalam industri kecil dan sederhana itu, terutamanya sebagai industri sokongan kepada industri besar.



Seterusnya, di dalam tindakan untuk membangunkan dan memodenkan industri kecil dan sederhana ini, diharapkan juga diberi peluang kepada masyarakat luar bandar supaya mereka juga dapat menikmati peningkatan ekonomi **ini**. Cubalah cari jalan supaya tindakan seterusnya dalam industri kecil dan sederhana ini dapat dilibat oleh penduduk-penduduk luar bandar sekaligus dapat menambah pendapatan mereka dan membendung sedikit-sebanyak penghijrahan mereka ke bandar.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah juga saya ucapkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana begitu aktif mengawal dan mencari jalan agar para pengguna tidak dieksploitasi oleh peniaga-peniaga yang hanya ingin mengaut keuntungan tanpa memikirkan kebajikan rakyat. Kawalan mengenai 'jualan murah', 'jualan terus' dan peniaga-peniaga haram memang dapat sokongan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana dalam titah Ucapannya menekankan peranan yang harus dimainkan oleh gerakan koperasi untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Kesungguhan Kerajaan juga dapat dilihat dengan termaktubnya Akta Koperasi 1993. Semoga dengan Akta ini, gerakan koperasi akan lebih berupaya untuk membangunkan ekonomi ahli-ahli, penduduk setempat, masyarakat dan negara. Ini dapat terus dibuat dan dilakukan memandangkan gerakan koperasi juga kini pula mempunyai Kementeriannya sendiri walaupun kena berkongsi dengan yang lain.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malang juga bagi gerakan koperasi

negara kerana Kementerian sendiri tidak menampakkan kesungguhan di dalam menjalankan dan meneruskan cita-cita Kerajaan **ini**. Melalui pengalaman setelah saya menjadi Ahli Dewan yang mulia **ini**, saya telah mengajukan tiga soalan kepada Kementerian tersebut. Satu soalan tidak dijawab oleh Kementerian, manakala dua soalan yang lain dijawab oleh wakil-wakil sahaja. Pada saya, ini adalah satu petunjuk yang amat negatif.

Keduanya, apabila saya membuatkan ucapan sulung saya di masa perbahasan Belanjawan Negara yang lalu, di samping perkara-perkara iain, saya telah membahaskan juga keadaan gerakan koperasi negara, termasuk peranan wanitanya. Kementerian-kementerian lainnya telah memberi jawapan walaupun sentuhan yang saya buat adalah agak sedikit. Mengapakah pada masa **itu**, Kementerian ini diam membisu, tiada response sebagaimana yang dibuat oleh Kementerian-kementerian lain? Semoga perkara-perkara yang disebut pada ketika itu diambil-kira walaupun tidak dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada soalan saya kelmarin di Dewan yang mulia **ini**, saya mendapat satu maklumat yang sangat menarik, Pada tahun 1973, 1,472 buah koperasi telah diserahkan kepada LPP. Dan pada tahun lalu, koperasi itu cuma tinggal 642 buah sahaja. Bermakna di dalam tempoh itu, 830 buah koperasi telah mati. Belum lagi yang kini sedang sakit dan yang sedang tenat. Begitu juga koperasi asas perikanan, saya kira.

Memandangkan prestasi yang begitu menurun, saya rasakan sudah sampai masanya Kerajaan membuat kajian di atas permasalahan koperasi

yang kini di bawah seliaan ataupun kawalan lebih daripada satu Kementerian. Melalui hubungan dengan beberapa ahli koperasi yang berasas tani, saya juga diberitahu bahawa mereka kini tidak dapat mengenalpasti, dengan izin, identity mereka sendiri. Mereka agak keliru, sama ada mereka ahli peladang ataupun seorang kooperator. Dengan alasan-alasan ini dan sejajar dengan Akta Koperasi yang baru diluluskan, saya cadangkan supaya gerakan koperasi tanahair di-himpunkan di bawah satu bumbung.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklumkan bahawa gerakan koporasi negara kaya dengan sumber kewangan dan sumber manusia. Pernah dilaporkan satu koperasi luar bandar yang mempunyai simpanan cair berjumlah RMI juta yang dibiarkan tidak digunakan. Saya pasti bahawa banyak lagi koperasi yang demikian. Ini belum lagi dicampur dengan jumlah wang di dalam dana-dana yang tertentu. Saya merasakan tentu ada cara yang dapat kita menggemblengkan supaya sumber kewangan dan sumber manusia ini dapat dipergunakan ataupun, dengan izin, di"utilise'kan demi untuk pembangunan sosio-ekonomi ahli-ahlinya, seterusnya, sosio-ekonomi negara. Semoga gerakan koperasi dapat benar-benar menjadi sektor ketiga negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pendidikan kerana pendidikan adalah nadi dan faktor penentu bagi generasi kita yang akan datang. Kita berbangga dengan sistem pendidikan kita salah satu yang terbaik di rantau ini, sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun tinggi, malahan universiti ketujuh telahpun wujud di Sarawak. Di samping berbangga, kita juga rasa bimbang dan

ragu terhadap disiplin kanak-kanak kita yang kian merosot. Padahal di sekolah telah disediakan berbagai kemudahan terkini untuk merangsang pembelajaran dan membentuk budi pekerti yang murni. Di manakah salah dan silapnya? Mengikut kajian yang dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan seperti yang dilaporkan didapati minat untuk belajar, terutama kanak-kanak bumiputera, membimbangkan.

Selain daripada itu, setiap hari dilaporkan dengan berbagai gejala yang kurang sihat berlaku, bukan sahaja di kalangan remaja malah oleh kanak-kanak yang masih bersekolah. Kanak-kanak kini, bukan sahaja ponteng menghadiri kelas, bergaduh sesama sendiri, melawan guru, malah telah ada yang terlibat dengan jenayah berat seperti merogol dan membunuh. Budaya lepak, gangsterism, rock dan rap telah menjadi-jadi di kalangan remaja kita. Seperti yang dikatakan di atas tadi bahawa sistem pendidikan kita adalah salah satu yang terbaik di rantau ini tetapi perkara yang tidak diingini masih berleluasa.

Pada hemat saya, satu daripada unsur negatif yang mempengaruhi remaja kini ialah kerana mereka terlalu didedahkan dengan pelbagai bentuk hiburan yang keterlaluan. Pesta-pesta hiburan yang dianjurkan oleh syarikat-syarikat gergasi untuk mengiklankan barangan mereka, juga kadang-kala keterlaluan. Selain daripada itu, media elektronik juga TV turut menyiarkan berbagai bentuk hiburan yang mengghairahkan seperti pertandingan ratu cantik yang pesertanya berpakaian separuh bogel dan hampir telanjang. Saya berharap Kementerian Penerangan dan lain-lainnya peka dengan keadaan yang saya sebutkan tadi dan mencari jalan memperbetulkan sebelum terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dikatakan di dalam Titah Ucapan Seri Paduka bahawa Kerajaan telah dengan bersungguh-sungguh menjalankan tanggungjawab bagi memperbaiki keadaan kesihatan di negara **ini**. Kejayaannya memang kita akui tetapi yang paling merunsingkan kita ialah sejak kebelakangan ini berlaku kecuaiian terhadap para pesakit. Ada bayi yang terpotong jari, salah plaster dan sebagainya.

Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua kalau perkara ini tidak diperbaiki segera, bukan sahaja keyakinan rakyat terhadap sistem perubatan kita akan berkurangan, malah akan menjadi bahan ejekan.

Berhubung dengan klinik atau hospital swasta, pihak Kerajaan atau lebih tepat Kementerian Kesihatan wajarlah mengawalinya. Di samping mengawal kecuaiian dan lain-lainnya, maka bayaran yang terlalu tinggi juga harus dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung sedikit lagi sebagai response kepada Titah Ucapan yang sedang kita bahaskan. Saya bersetuju bahawa Kerajaan kita telahpun dan sedang memberi perhatian yang serius terhadap perkembangan agama Islam di samping memberi kebebasan kepada agama lain. Usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan pemerintah terus dijalankan. Pusat-pusat dakwah diberikan perhatian dan bantuan,

Apa yang mendukacitakan ialah timbulnya berbagai faham agama seperti Arqara, Syiah dan berbagai lagi. Fahaman ini bukan berlaku di kalangan rakyat biasa, tetapi disebarkan oleh para intelek di pusat-pusat pengajian tinggi. Saya bimbang kalau perkara ini

dibiarkan berleluasa tanpa kawalan, ditakuti satu hari nanti akan menjadi barah yang sukar diubati, Orang-orang Melayu ataupun Islam akan bercakaran sesama sendiri seperti yang berlaku di kebanyakan negara Islam kini. Saya berharap pihak-pihak bertanggungjawab bagi perkembangan agama Islam, harus mencari jalan memperbaiki kepincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja perbahasan saya bagi menyokong usul ucapan mengucapkan berbanyak syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda pada masa pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen yang Kelapan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Abdul Salam.

5.44 ptg.

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Saya mengucapkan terima kasih kepada tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Titah Ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Baginda telah menerangkan dengan panjang lebar tentang kemajuan negara kita Malaysia; bermula daripada perkembangan ekonomi, pentadbiran, sosial dan segala rancangan-rancangan menyentuh pertanian, pembangunan, infrastruktur, pendidikan, sukan negara, Dasar Pertanian Negara, pelancongan dan lain-lain lagi. Kebanggaan semuanya disebabkan keutuhan pemimpin-peraimpin negara kita di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir-Mohamad; Timbalannya Tuan Abdul Ghafar Baba dan seluruh Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai pengurusan yang berkaitan.

Perkembangan ekonomi negara sekarang ialah dalam lingkungan 3% dan ini bolehlah dikagumkan kerana banyak negara-negara membangun yang lain tidak dapat bersaing dengan kemajuan negara kita. Perlu diingatkan dalam masa negara kita sedang membangun sekarang, semua Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan dengan pembangunan negara hendaklah memainkan peranan masing-masing, memastikan segala perbelanjaan negara dilaksanakan dengan baik mengikut program-program yang konkrit supaya akhirnya Rancangan Malaysia yang Keenam dapat kejayaan yang cemerlang dan memberi banyak nikmat kepada semua rakyat, daripada semua bidang, tidak kira kaum dan agama.

Menyentuh rancangan raksasa perumahan, pihak Kerajaan memperuntukan sejumlah kewangan yang besar dan apa yang diharapkan supaya rakyat yang kurang pendapatan dapat layanan yang sewajarnya. Kerana, pada masa-masa yang lepas, banyak rungutan-rungutan daripada kumpulan-kumpulan tertentu tidak diberi layanan yang sepatutnya.

Lanjutan daripada itu juga, pemaju-pemaju perumahan tidak dapat menyiapkan projek-projek yang dikendalikan dalam masa yang dihadkan. Banyak projek-projek terbangkalai dan bakal-bakal pembeli mengalami masalah.

Peningkatan dalam segi infrastruktur seperti pembinaan lebuh raya, pembekalan elektrik, membesar pembekalan air dan lain-lain lagi. Yang menonjol sekali ialah pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang yang akan dibina dan beroperasi pada tahun 1997. Segala infrastruktur seperti ini yang



begitu besar perlu diberi peluang yang banyak kepada rakyat-rakyat negara kita. Dewan-dewan perniagaan terutama Dewan Perniagaan Melayu dan Persatuan Pemborong-pernborong Pembinaan Bumiputera diberi peluang seluas—luasnya. Dengan demikian, dapatlah pihak berkenaan menimba pengalaman daripada pembangunan projek-projek besar seperti ini.

Di akhir-akhir ini pembelaan kepada usahawan-usahawan bumiputera dan pemborong-pemborong bumiputera tidak begitu menggalakkan. Hanya kumpulan-kumpulan yang benar-benar kuat sahaja iaitu di kalangan korporat yang terkenal dan pernah berjaya sahaja, dapat layanan berterusan. Peniaga-peniaga kecil bumiputera, walaupun mereka telah lama berkecimpung di dalam lapangan-perniagaan masing-masing, jika tidak dapat membesar akan malap dengan sendirinya. Yang lebih ketara lagi kekecewaan kumpulan usahawan-usahawan bumiputera ialah kerana sehingga sekarang Kerajaan belum lagi mempraktikkan segala rumusan daripada resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga yang berlangsung baru-baru ini. Diharap pihak yang berkenaan memberi perhatian dan tindakan segera di dalam hal ini supaya usahawan-usahawan bumiputera mendapat apa-apa bentuk pembelaan melalui rumusan resolusi Kongress Ekonomi tersebut. Kita mestilah ingat kumpulan-kumpulan ini sentiasa menyokong Kerajaan kita iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

Dalam bidang kontrak pula, sudah nampak pemborong bumiputera yang lemah tidak mendapat pertolongan yang sepatutnya kerana Kerajaan telahpun mensyaratkan kontraktor-kontraktor berkemampuan sahaja yang mendapat tawaran kontrak; yang lemah tiada peluang. Diminta supaya Kerajaan menyemak kembali syarat-syarat seperti ini supaya yang lemah juga akan dapat pembelaannya. Kerana daripada pengalaman, kelemahan—kelemahan itu yang boleh membawa kepada mercu kejayaan nanti.

Pembinaan negara melalui pertanian dengan penerapan Dasar Pertanian Negara bagi tempoh 1992 sehingga 2010, negara kita akan jauh maju dalam lapangan ini dan rakyat kaum tani dan nelayan menerima nasib yang baik. Suatu hari nanti negara kita akan mendapat hasil lumayan daripada proses perkembangan teknologi yang baru ini.

Program membesarkan bekalan tenaga elektrik dan perkhidmatan telekom juga boleh dibanggakan dan diharapkan gangguan pembekalan tenaga elektrik yang kerap berlaku sekarang ini adalah gangguan sementara sahaja.

Tentang import tenaga buruh daripada negara-negara jiran juga menjadi perkara kelaziman. Negara kita perlu memupuk tenaga manusia dalam negeri kita sendiri, dengan diadakan tempat-tempat latihan seperti institut-institut kemahiran, sekolah-sekolah vokasional dan lain-lain atau seperti galakan latihan di tempat-tempat kerja atau di projek-projek besar. Badan-badan swasta perlu memainkan peranan masing-masing bersama. Dengan demikian, membuka peluang besar kepada rakyat kita sendiri.

Dasar Kerajaan melibatkan industri kecil, besar dan sederhana untuk perkembangan di negara ini memberi nafas baru terhadap ekonomi negara. Ramai usahawan-usahawan negara ini berpeluang berniaga dengan lebih agresif dan mencabar. Pelabur-pelabur asing pula ingin membuat perniagaan di negara ini. Kejayaan yang besar yang menampakkan keuntungan ialah industri pelancongan. Tahun 1994 'Tahun Melawat Malaysia', sekali lagi Malaysia akan dibanjiri oleh pelancong-pelancong luar negeri dan memberi keuntungan besar kepada negara kita.

Daripada rekod-rekod yang lepas, memang Malaysia telah menjadi jaguh dalam lapangan inipun. Tahun 1998 pula Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Sukan Komanwel. Persiapan sekarang untuk sukan tersebut memakan belanja yang besar. Sehingga ke hari ini program perancangan tersebut sangat-sangatlah mengagumkan dan diharapkan negara kita akan membawa keuntungan lumayan melalui Sukan Komanwel ini.

Akhir kata, rakyat Malaysia sangat-sangatlah bernasib baik di bawah Kerajaan yang ada sekarang dan marilah kita semua berdoa supaya pemimpin-pemimpin yang ada sekarang panjang umur, berpegang teguh kepada prinsip-prinsip perjuangan, ikhlas dan bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Tuan Ghazali, sila.

5.51 ptg.

**Tuan Ghazali bin Haji Embong:** Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalam mualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam

sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya berucap pada petang ini.

Saya bangun menyokong cadangan Yang Berhormat Senator Abdul Rahim Baba, menjunjung kasih ke bawah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong kerana perasmian pembukaan Parlimen pada 26hb April, 1993 tempoh hari. Pertumbuhan ekonomi dan industri yang dialami oleh negara sekarang ini adalah petunjuk dan pemberian Allah kepada hambaNya, mendapat ilham dalam menerajui pemerintahan dan pentadbiran negara sekarang ini. Di atas kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir, nama Malaysia telah terukir dan dikenali ramai di seluruh dunia, sama ada di kalangan negara-negara blok Utara dan tidak ketinggalan juga negara-negara Selatan, Keberanian dan ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir juga dalam menyuarakan sesuatu kebenaran yang bertujuan untuk mendapat keadilan dan juga untuk mewujudkan orde baru dunia dengan erti kata yang sebenar, terutama yang melibatkan negara-negara membangun atau negara Selatan-Selatan telah dihormati oleh pemimpin-pemimpin dunia.

Dalam Sidang Majlis Ekonomi Lingkungan Pasifik di Seoul baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir telah menarik perhatian dunia kepada potensi pertumbuhan ekonomi di negara—negara Asia Timur, khususnya Malaysia. Adalah diharapkan dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin dan perancang-perancang ekonomi di peringkat EPU, Perbendaharaan dan agensi-agensi lain yang terlibat dalam merangka strategi-strategi yang positif, pertumbuhan ekonomi akan dapat dikekalkan di

peringkat 8%. Walaupun angka ini merupakan satu angka yang positif, tetapi saya percaya dan dengan pengawasan perbelanjaan yang teliti di perancangan serta strategi-strategi yang inovatif, negara kita dapat mengekalkan tahap pertumbuhan seperti sekarang.

Di samping itu, kita juga sama ada di peringkat Kerajaan, sektor swasta dan rakyat jelata seharusnya berwaspada di atas sindrom inflasi akan menyerang kita. Sikap berjimat-cermat dan berbelanja kepada perkara mustahak sahaja, di samping menggalakkan amalan simpan-menyimpan, perlu juga dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Amalan berjimat-cermat patut benar dimulakan kepada kanak-kanak sekolah sejak permulaan mereka dalam persekolahan. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa banyak institusi kewangan dan tabungan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah mengadakan kempen ke arah menggalakkan murid-murid sekolah dan ibu bapa untuk menyimpan.

Dalam bidang pertahanan, kita seharusnya peka di atas perkembangan dan perlumbaan senjata di kalangan negara-negara sebelah Asia Timur dan sekitarnya. Walaupun kebanyakan negara-negara Barat telah mengurangkan peralatan pertahanan, terutama dalam bidang perkapalan dan Angkatan Tentera Laut mereka, tidak bermakna kita juga seharusnya mengikut jejak langkah mereka. Alangkah wajar perkembangan peralatan pertahanan untuk Angkatan Tentera Laut kita perlu dipertingkatkan lagi, termasuk juga Polis Marin.

Baru-baru ini kita pernah membaca dalam akhbar bahawa kebanyakan patrol boat yang digunakan oleh Polis Marin kita telah menjangkau usia 30 tahun lamanya. Kelajuan patrol boat tersebut

yang saiznya 16 meter panjang dan 4 meter lebar pada maksimumnya, ialah 29 knot. Kelajuan ini sebenarnya tidak laju jika dibandingkan dengan standard antarabangsa. Kerap kali kita dengar pencerobohan-pencerobohan nelayan asing mempunyai bot yang laju dari Polis Marin kita. Sekiranya kita benar—benar ingin menjaga pantai dan kawasan perairan kita yang luas, yang sering mendapat ancaman-ancaman pencerobohan nelayan, lanun, pendatang haram dan lain-lain, adalah wajar peralatan-peralatan tersebut dipertingkatkan sepertimana pernah digunakan oleh 'Coast Guard' Amerika Syarikat.

Elaun insentif hendaklah diberi kepada Pegawai Polis dan Kastam yang bertugas di perairan kita di tengah laut, kerana berbagai-bagai masalah dihadapi oleh mereka sebagaimana dilakukan oleh negara-negara Eropah seperti Itali, Sepanyol dan Denmark.

Selain dari itu, Kerajaan juga perlu mengkaji untuk memperbanyakkan lagi pembelian vesel, dengan izin, khususnya untuk menjaga kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ), terutamanya di kawasan perairan di Pantai Timur Semenanjung, di pantai perairan Sabah dan Sarawak serta Selat Melaka. Vesel-vesel ini perlu juga dilengkapi dengan sistem komunikasi yang canggih, seperti magnetic sensor, dengan izin, untuk mengesan bahan-bahan yang menjadi ancaman di dasaran laut serta peralatan sistem radar yang canggih untuk memberi amaran awal kepada kapal-kapal yang lalu di kawasan perairan kita.

Kelengkapan peralatan pertahanan laut perlu juga diiringi dengan peningkatan peralatan pertahanan udara. Dalam perkara ini adalah wajar penelitian dibuat secara mendalam sebelum pihak berkenaan memberi persetujuan untuk membeli mana-mana pesawat dari negara-negara Barat, sama ada pesawat-pesawat MIG-29, Mirage 2000, FE-16 atau AFE.

Saya berpendapat adalah baik kiranya pembelian ini tidak dikumpulkan kepada satu jenis pesawat sahaja, kerana masing—masing mempunyai kelebihan yang tersendiri. Dan untuk mengelakkan daripada kita terikat dengan pihak penjual, apabila berlaku masalah terhadap pesawat-pesawat tersebut, sekiranya pembelian ditumpukan kepada satu jenis pesawat sahaja.

Di samping itu, tumpuan juga haruslah diberi kepada mempertingkatkan infrastruktur seperti jalan raya, telekomunikasi, elektrik dan pelabuhan di negara ini. Pelabuhan-pelabuhan di Pantai Timur seperti Kuantan, Pahang dan Kemanan, Terengganu perlu dipermoden dan dipertingkatkan dari segi kemampuan menerima kapal-kapal besar terutama dari negara Jepun, Korea, China, Taiwan dan Vietnam.

Perhubungan Pantai Timur dengan negara—negara ini adalah lebih dekat kalau dibandingkan dengan pelabuhan-pelabuhan di Pantai Barat. Sehubungan dengan itu perkhidmatan-perkhidmatan perkapalan

seperti agen perkapalan (shipping agent), insuran dan lain-lain industri perlu dipertingkatkan di kawasan pelabuhan tersebut.

Untuk menarik kapal-kapal asing berlabuh di pelabuhan Pantai Timur, perhubungan jalan raya atau keretapi perlu dipertingkatkan di antara Pantai Timur dan Pantai Barat.

Dalam bidang pendidikan kita telah mencapai tahap yang memuaskan, untuk melahirkan tenaga kerja yang setimpal dalam mengisi peluang-peluang pekerjaan dalam pasaran buruh yang ada di negara ini. Sistem pendidikan yang ada sekarang perlu juga diperbaiki dan tumpuan harus juga dibuat untuk menarik pelajar-pelajar berminat untuk belajar.

Adalah menyedihkan bahawa dalam satu kajian di Selangor terdapat 90% lebih murid-murid sekolah tidak berminat untuk belajar. Malah, mereka lebih cenderung untuk bekerja dalam peringkat usia yang muda seperti **itu**. Keadaan ini amat serius. Saya percaya perkara yang sama juga mungkin wujud di negeri-negeri lain di Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang, yang mana terdapat ramai kanak-kanak yang tidak bersekolah, kerana sebab-sebab sesuatu sama ada disedari atau tidak disedari oleh pihak berkenaan. Justeru itu saya cadangkan supaya satu kempen atau tindakan perlu dijalankan oleh pihak-pihak berkenaan. Kerajaan Negeri dan Kementerian Pendidikan serta pemimpin-pemimpin masyarakat hendaklah mengesan murid-murid sekolah yang tidak berminat untuk belajar



atau mereka yang terpaksa berhenti dari sekolah terutama di kawasan luar bandar. Adalah amat menggerunkan sekiranya golongan ini tidak diambil perhatian oleh pihak berkenaan. Sekiranya dalam masa 20 tahun lebih dari sekarang negara ini menjadi negara maju, cuba bayangkan apakah nasib mereka berada di kalangan masyarakat maju pada masa itu.

Pada masa akan datang, nasib mereka-mereka yang daif sama ada di luar bandar atau di kawasan bandar perlu juga diambil perhatian oleh pihak berkenaan, terutama Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membawa mereka ini membaiki taraf ekonomi dan sosial.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ketika Kerajaan mempergiatkan dasar 'Penerapan Nilai-nilai Islam', nilai-nilai murni, terdapat juga penyalahgunaan oleh pihak-pihak tertentu dalam menjalani aktiviti-aktiviti mereka. Misalnya, dalam peraduan ratu cantik. Penglibatan wanita-wanita Islam seharusnya tidak dibenarkan atau dihadkan penggunaan pakaian mereka. Malah dalam satu peraduan ratu cantik baru-baru ini, terdapat seorang wanita Islam telah menunjukkan bentuk badan dengan pakaian mandi yang tidak sewajarnya. Perkara ini adalah perlu diambil tindakan oleh pihak berkuasa berkenaan, supaya wanita-wanita Islam tidak berlagak atau menunjukkan pakaian menjolok mata.

Di samping itu kajian perlu juga dibuat untuk menarik belia-belia terutama di luar bandar berkecimpung dalam bidang pertanian, ternakan serta bekerja di ladang-ladang.

Kita tidak boleh mengharapkan pekerja-pekerja asing membolot peluang kerja di ladang-ladang dalam negara ini. Sampai bila kita hendak mengharapkan tenaga mereka? Kita tidak mahu menjadi seperti kata peribahasa, "Ayam di kepuk mati kelaparan; kera di hutan disusukan". Saya berkata demikian kerana berbagai-bagai masalah jenayah sosial timbul akibat dari kemasukan pendatang haram dan pekerja-pekerja asing.

Memang benar dan tidak salah untuk membangun sektor perladangan sekarang. Walaupun kita memerlukan pekerja-pekerja asing bagi menjimatkan kos pengeluaran, tetapi sebaliknya kita harus juga memikirkan akibat sosial ini hasil dari kedatangan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai amalan alam sekitar. Pihak yang berkenaan haruslah peka dan tegas dalam melaksanakan undang-undang kepada pihak yang bersalah dan melanggar Akta berhubung dengan alam sekitar dan pencemaran udara.

Sejak akhir-akhir ini banyak sungai dan hutan telah disalahgunakan oleh pengusaha-pengusaha berkenaan menyebabkan pada setengah sungai-sungai telah menjadi ancaman kepada mata pencarian orang tempatan, di samping memberi ancaman kesihatan kepada penduduk-penduduk di sekitarnya.

Kempen 'tindakan Alam Sekitar dan Menjaga Kebersihan Kawasan' perlu dipertingkatkan sepanjang masa. Penglibatan ini juga perlu diambil bahagian oleh pemimpin-pemimpin masyarakat dan ibu bapa

dalara mendidik kanak-kanak ke arah **ini**. Selain dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sains, teknologi dan Alam Sekitar, penalti-penalti yang berat patut dikenakan kepada mereka yang melanggar peraturan atau mengenai Akta alam sekitar,

Di peringkat antarabangsa negara kita perlu menerajui Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) untuk mencapai persetujuan mengatasi masalah peperangan di Bosnia-Herzegovina. Begitu juga negara-negara Islam yang lain, yang menghadapi masalah peperangan dengan menjadi tekanan kepada Bangsa-bangsa Bersatu. Kedudukan isu Bosnia sekarang jelas menunjukkan bahawa pihak Barat tidak berminat untuk menyelesaikan masalah Bosnia sekarang. Pada hakikatnya negara-negara Barat cuba menghalang wujudnya sebuah negara Islam di tengah-tengah Eropah.

Pihak Bangsa-bangsa Bersatu patut melonggarkan sekatan kemasukan peralatan perang kepada negara Bosnia untuk mempertahankan diri dari serangan Serb. Dengan ini saya singkatkan ucapan saya dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampaknya ada beberapa orang hendak bercakap. Masa ada lebih kurang 20 minit lagi, kita berhenti pada pukul 6.30 petang. Jadi sekarang saya beri peluang kepada Yang Berhormat Puan Rosalind. Kalau boleh singkat, ramai lagi boleh bercakap.

**6.10 ptg.**

**Puan Rosalind Yau Shuk Meng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana diberi peluang mengambil bahagian membahaskan dan menyokong Titah.Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan. Agong di Dewan yang mulia **ini**. Saya tidak akan berbincang panjang-lebar, tetapi hanya menyentuh dua tiga perkara sahaja,

Tuan. Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan telah melancarkan berbagai usaha untuk memupuk pembentukan unit keluarga bahagia, namun demikian semenjak kebelakangan ini telah wujud beratus-ratus kes gadis hilang. Kenapakah boleh wujud masalah sosial sedemikian? Di manakah silap atau kekurangan kita sebagai ibu bapa dan masyarakat? Ramai orang berpendapat bahawa penyelesaian kepada masalah gadis-gadis yang hilang ini tergantung kepada pendidikan moral yang kukuh dan penjagaan ibu bapa yang baik. Ini memang benar. Akan tetapi, dalam dunia kita yang serba kurang **ini**, penjagaan ibu bapa yang baik tidak wujud dalam semua keluarga. Sebaliknya wujud pula ramai gadis-gadis dara yang ditipu oleh teman lelaki mereka sehingga mereka mudah menjadi mangsa 'bapa ayam' ataupun, dengan izin, pimps.

Peruntukan perundangan dan penguatkuasanya amat perlu untuk melindungi mereka yang menjadi mangsa daripada tindakan dan eksploitasi. Tidak dinafikan bahawa masalah gadis hilang pada umumnya adalah satu masalah keluarga dan sosial. Namun demikian, kita semua tidak kira yang muda atau yang **tua**, lelaki atau perempuan berhak mendapat perlindungan. Masalah ini semakin hari semakin serius. Ia membawa implikasi sosial dan perundangan. Siapakah mereka? Mereka ialah golongan muda-mudi di bawah umur majoriti

iaitu 18 tahun yang meninggalkan rumah mereka. Adalah kurang munasabah dan tidak elok memberi tekanan kepada mereka yang hilang supaya balik ke rumah mereka, di mana ibu bapa mereka adalah 'kaki botol' yang sering mencederakan mereka, ataupun kedua-dua ibu bapa mereka sering bergaduh, dan keadaan rumah yang kurang memuaskan sekali. Ini tidak akan mendorong mereka yang dikatakan hilang itu pulang ke rumah. Kebanyakan golongan muda ini telah dipaksa ataupun dilarikan dari rumah mereka sama ada secara culik ataupun dipujuk atau alasan palsu dan dipaksa terlibat dalam jenayah dan maksiat. Masalah sedemikian menjadi satu masalah yang memerlukan campurtangan perundangan.

Di negara kita, peruntukan-peruntukan perundangan wujud bagi perlindungan orang sedemikian, tetapi soalnya adakah peruntukan-peruntukan itu memadai? Ini menimbulkan banyak persoalan. Peruntukan perundangan utama bagi perlindungan gadis yang hilang ada dalam Penal Code dan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 ataupun, dengan izin, the Women and Girls Protection. Act 1973. Namun demikian, peruntukan-peruntukan yang sedia wujud dalam kedua-dua Akta ini tidak memadai. Walaupun banyak usaha telah dijalankan oleh berbagai pertubuhan wanita termasuk Wanita MCA sejak beberapa tahun. kebelakangan ini untuk meminta pihak Kerajaan memindanya tetapi tidak ada sebarang usaha dari pihak Kerajaan untuk meminda segera kelemahan yang sedia wujud.

Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kerajaan akan mengkaji semula segala usaha dan cadangan yang telah disampaikan oleh berbagai pihak pertubuhan wanita, dan meminta dipinda kedua-dua Akta ini tanpa melengah-lengahkan masa demi menjaga dan melindungi wanita dan gadis di negara ini.

Tuan. Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara kelalaian dan kecuaiian pegawai-pegawai perubatan terhadap pesakit-pesakitnya. Kalau bukan dari laporan dan pemberitahuan dari orang ramai mengenai kes-kes yang telah disebabkan oleh kelalaian doktor dan kakitangan perubatan, barangkali kita masih belum mengetahui keadaan sebenar kesihatan diri pesakit-pesakit yang mendapatkan rawatan doktor-doktor kita di hospital atau di klinik. Kita semua mengetahui orang ramai mempunyai keyakinan Terhadap golongan profesional, termasuk doktor yang mendapat sanjungan dan penghormatan tinggi dari masyarakat. Adalah wajar kepercayaan dan kemuliaan profesional ini harus dikekalkan. Jangan sampai orang ramai menjadi curiga terhadap perkhidmatan doktor-doktor kita di Malaysia.

Saya mencadangkan supaya panduan-panduan merawat pesakit—pesakit dapat diumumkan kepada masyarakat secara keseluruhan supaya mereka dapat mengetahui sejauh manakah doktor-doktor mampu menjalankan kewajipan mereka. Biarlah orang ramai mengetahui cara-cara melindungi hak-hak mereka apabila ditimpa kemalangan yang disebabkan oleh kecuaiian doktor-doktor.

Buat masa ini orang ramai masih kabur terhadap kepakaran doktor-doktor dalam menjalankan kewajipan perubatan dan rawatan. Dengan pemberitahuan panduan-panduan rawatan yang dipiawai - mungkin ini boleh dibuat oleh Kesatuan Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Association). - saya rasa kelalaian yang dibuat oleh sentengah doktor boleh dikurangkan. Pesakit-pesakit yang menjadi mangsa kelalaian doktor-doktor jika mengetahui, akan mara dan bertindak membawa kes-kes tersebut ke mahkamah dengan pertolongan peguam-peguam.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun kebelakangan ini negara kita telah mengalami perkembangan ekonomi yang pesat dan telah dapat menarik pelabur dari luar negara. Pelabur—pelabur tempatan dan asing telah banyak mendirikan kilang-kilang yang memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Perkembangan pesat ekonomi kita, telah sampai ke peringkat di mana setengah-setengah sektor mengalami kekurangan pekerja, terutamanya di sektor perladangan, restoran, pembantu rumah dan pembinaan. Mereka ini memang memerlukan pekerja-pekerja bukan mahir untuk menyokong perkembangan perniagaan mereka. Oleh yang demikian, pekerja-pekerja asing yang datang dari negeri jiran adalah satu panduan yang besar kepada penyelesaian masalah kekurangan pekerja yang berlaku.

Namun demikian, adalah dimaklumi bahawa ramai rakyat Malaysia telah pergi ke negara lain untuk mendapatkan pekerjaan. Walaupun kita tahu mereka sering dianiayai masuk secara haram dan diburu oleh pihak berkuasa negara itu secara berterusan, ini adalah kerana mereka mengejar bayaran yang lebih lumayan jika dibandingkan mereka bekerja di tanahair sendiri.

Ini jugalah sebabnya orang-orang asing dari negara jiran datang berduyun-duyun ke negara kita kerana mereka dapat upah dan gaji yang Lebih lumayan dari negara mereka. Dengan itu, saya berharap pihak Kementerian Sumber Manusia dapat menjalankan kajian sama ada kadar gaji ataupun bayaran kepada buruh ....

**Tuan Itam Wali bin Hawan: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta laluan, boleh? Sila duduk. dahulu!

**Tuan Itam Wali bin Nawan:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan hendak bertanya daripada Yang Berhormat Rosalind mengenai dengan satu huraian iaitu berduyun-duyun orang kita pergi ke luar negeri kerana dapat upah gaji yang tinggi. Yang kedua, berduyun-duyun orang luar pula datang ke sini kerana upah-gaji. Jadi, yang mana satu duyun yang banyak, duyun ke sinikah atau duyun ke sana? Dan lumayan yang mana satu? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Rosalind Yau Shuk Meng:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua, sepatutnya rakyat kita berduyun-duyun ke negara lain untuk dapat gaji yang lebih dan ada pula rakyat dari negara jiran berduyun-duyun ke negara kita. Ini bermakna upah gaji di negara kita ini lebih tinggi daripada upah yang mereka dapat di negara mereka.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, orang kita pergi ke tempat lain pun, hendak gaji yang lebih tinggi?

**Puan Rosalind Yau Shuk Meng:** Ya! Sebab itu, saya berharap pihak Kementerian Sumber Manusia dapat menjalankan kajian sama ada kadar gaji ataupun bayaran kepada buruh di negara kita masih rendah, kalau dibandingkan dengan negara yang semaju dan setaraf dengan negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rosalind, panjang lagi ucapan?

**Puan Rosalind Yau Shuk Meng:** Cukuplah! Dengan **ini**, saya menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** [Baagun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Ding Seling.

**6.23 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama dengan rakan-rakan lain untuk menyokong satu Usul yang dikemukakan oleh Yang terhormat Senator Tuan Rahim bin Baba pada 24hb yang lalu, bertujuan untuk Menjunjung Kasih merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan di atau Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Kelapan pada 26hb April yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, jelas benar menggambarkan bahawa Kerajaan cukup

insaf mengenai senua aspek kehidupan negara kita ini dan rakyat jelata. Lagipun kejayaan yang telah dicapai oleh negara kita, membuktikan bahawa pentadbiran yang ada adalah bijaksana serta adil. Selaku seorang rakyat Malaysia biasa, saya rasa negara kita ini adalah begitu amat bertuah, tahap kejayaan ekonomi yang tercapai sungguh memuaskan. Memandangkan pencapaian itu adalah dalam suasana dunia yang tidak begitu baik dengan kemelesetan ekonomi, rusuhan, peperangan dan lain-lain. Kita di Malaysia bertuah kerana negara kita adalah dalam keadaan aman dan damai serta keadaan politik yang cukup stabil. Walaupun ada tempat-tempat tertentu yang agak kurang stabil. Oleh itu, maka bolehlah Kerajaan kita sekarang menumpukan perhatian yang sewajarnya kepada pembangunan yang bermakna kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita teliti dari sejarah dunia dan dari sejarah itu kita boleh membuat sedikit hipotesis, dengan lain, perkembangan tamadun negara sesuatu negara itu ketahap yang lebih tinggi adalah berdasarkan kepada dua perkara asas.

Yang pertama, ialah kepercayaan negara itu, orang-orangnya kepada Tuhan iaitu pencipta alam semesta dan segala isinya. Dan kepercayaan umat manusia di situ kepada Tuhannya yang tidak pernah meninggalkan perbuatan tangannya itu.

Yang kedua, adanya pemimpin-pemimpin yang berkualiti serta bijaksana, serta berpandangan jauh dan luas, yang memimpin rakyat dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat Malaysia, saya

begitu bangga kerana negara kita mempunyai kedua-dua aspek yang saya sebut terdapat dari sejarah tadi, iaitu kepercayaan kepada Tuhan dan mempunyai pemimpin-pemimpin yang cukup membanggakan.

Sehubungan kepercayaan kepada Tuhan, saya sebagai seorang rakyat bukan Islam melihat dan memandangkan agama Islam dengan penuh hormat dan tempatnya sebagai agama ramai negara kita yang dicintai ini, tidak sekali-kali dipertikaikan oleh mana-mana pihak yang beragama lain dalam negara kita ini. Kita senantiasa sanjung tinggi sikap toleransi, seimbang, saling hormat yang ada di semua lapisan rakyat negara.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saudara saya Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri sentuh mengenai ajaran sesat dalam Islam yang berpuncakan dari beberapa golongan, misalnya Arqam. Bagi saya, saya penuh ber empathy' dengan saudara-saudara yang beragama Islam dalam perkara ini iaitu ajaran sesat. Ini adalah kerana kita dalam agama Kristian juga ada pihak-pihak yang tertentu yang mengutarakan ajaran yang menyeleweng, yang ingin menyesatkan orang-orang penganut Kristian, sama juga seperti dalam Islam. Dalam gereja saya, misalnya, ada golongan yang tertentu, yang bertindak sebegitu cara sehingga hendak bertentangan bukan sahaja dengan orang-orang gereja sendiri, tetapi orang-orang gereja luar, malah juga rakyat yang lain yang hendak diejek-ejekkan oleh mereka yang berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ding Seling, ucapan Yang Berhormat itu panjang lagikah?

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, ada juga sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa minit lagi agaknya?

**Tuan Ding Seling:** Mungkin 30 minit! [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua:** 30 minit? Kalau macam **itu**, kita hanya ada satu minit lagi. Kalau mengikut jadual, besok Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab, tetapi saya beri peluang kepada Yang Berhormat Tuan Ding Seling sambung sedikit sahaja besok, tetapi jangan sampai setengah jam.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, boleh, saya ringkaskan besok, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, dalam satu minit lagi, kita berhenti.

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Satu minit sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Untuk disambung besok lagi sedikit.

**Tuan Ding Seling:** Sambung besok?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Besok sedikit lagi, tetapi jangan sampai setengah jam menyambung besok. Sekarang ada satu minit lagi.

**Tuan Ding Seling:** Baiklah!

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ringkaskan mengenai masalah yang kita hadapi di dalam pengajaran yang menyeleweng dalam gereja, sehingga pada masa itu ada pihak-pihak yang tertentu tadi, oleh kerana mereka bersuara yang besar, maka seolah-olah mereka mewakili gereja kami sehingga nampaknya semua ahli-ahli gereja seolah-olah anti ataupun anti-Government.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perkara ini adalah satu perkara yang

saya anggap agak penting dan memohon serta merayu kepada Kerajaan agar jangan sahaja melihat ataupun mengawalkan ajaran-ajaran yang menyeleweng dalam Islam tetapi juga dalam golongan Kristian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampaknya setakat itu sahajalah. Kita sambung besok.

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang besok.

**Dewan di tangguhkan pada pukul 6.30 petang.**

